

PMBK MENGUCAPKAN

*Tahniah*



Daripada



Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat,  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan  
Kakitangan Perbadanan Menteri Besar Kelantan  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

Bersama Anak Syarikat:



PMBK SAWITT  
SDN BHD



KIAALAH  
SDN BHD



DARUL DIGITAL  
SDN BHD  
KELANTAN  
BIOTECH  
CORPORATION  
SDN BHD



KELANTAN  
BIOTECH  
CORPORATION  
SDN BHD



TUNJONG  
DEVELOPMENT  
CORPORATION  
SDN BHD



KELANTAN  
GOLDEN TRADE  
SDN BHD



KELANTAN  
MUBAARKAN  
HOLDINGS SDN BHD




AIR KELANTAN  
SDN BHD



MAJAARI  
SERVICES  
SDN BHD



INTAAJ PIPES  
INDUSTRIES  
SDN BHD



SIHHAT-AFIATI  
SDN BHD

# QIADAH

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE  
QIADAH  
KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATION


قَدْرَانِ مُنْتَهٰى سَنَةِ كَلَنْتَنْ

**Theme Focus**  
SPIRITUALITY AND LEADERSHIP

**Heritage**  
THE KELANTANESE KITE:  
Art of craftsmanship or heritage?

**Destination**  
PANTAI SRI TUJOH  
Truly Glowing

20 Years  
of Excellent Leadership





# EMASHIJAU

## TEH GAHARU EMAS HIJAU MINUMAN HERBA

Anugerah Alam Semulajadi

### Keistimewaan Teh Gaharu Emas Hijau

Warna air, hijau keemasan yang cukup eksklusif dan asli dengan warna semulajadi yang sangat berkhiasat. Setaraf dengan teh-teh hijau yang eksklusif dipasaran malahan lebih tinggi.

Aroma, mempunyai aroma semulajadi, harum dan enak. Aromanya teramat unik dan sangat berbeza dengan teh lain di dunia.

Rasa, Teh Gaharu Emas Hijau tidak mempunyai sedikit pun rasa pahit tetapi akan terasa sedikit berangin dihujung lidah selepas anda menikmatinya. Anda cubalah sendiri, anda pasti terpesona.



PEJABAT KORPORAT  
Tingkat 1, Lot 296, Jalan Kota Darulnaim, 15100 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel: 09 - 747 1908 Faks: 09 - 746 1908

IBUPEJABAT  
Tingkat 1, PT7813, Taman Mesra, Jalan Persiaran Jaya, 18300 Gua Musang, Kelantan.  
Tel: 09 - 912 0710 Faks: 09 - 912 0711

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE  
**QIADAH**  
KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATION  
بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Official Corporate Magazine

Kelantan Menteri Besar Incorporation

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

**Ketua Editor**

Ir Hj Mustafa Salleh

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Setiausaha Jawatankuasa Editorial**

Nik Aida Nik Mohamed @ Nik Ahmad

Pengurus Komunikasi Korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Penyelaras Editorial**

Shariah Derahan

Penolong Pegawai Komunikasi Korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Penulis & Editor**

Che Shamsudin Othman (Dinsman)  
Kassim Muhamad (Barajiwa)

**Penulis Bersama**

Dr. Shaharir Mohamad Zain

Salma Husain | Shariah Derahan

Nik Aida Nik Ahmad | Nurul Dayanna Norji

Mohd Fadhilli Ghani | Zanazanzaly

Nik Norul Akmal Nik Mahmud

Mohd Noor Khairulddin Razali

**Jawatankuasa Editor**

Nik Mohd Alimin Nik Mohd Alwi

Pengurus Pembangunan Perniagaan Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Nazri Deraman**

Pengurus Projek

Tunjong Development Corporation Sdn Bhd

**Mohd Zairuh Paridin**

Eksekutif Kewangan

Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Pengiklanan, Pemasaran & Promosi**

Jabatan Komunikasi Korporat

Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Tel : +609-747 4082

**Dicetak oleh**

Percetakan Zulrahim Sdn Bhd

Lot 1811, Bangunan KPKB,

Kampung Paya Rambai,

15200 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

Tel : +6013-943 8881 / +6019-997 6513

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat samada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini.

**SENARAI EDARAN**

Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan | Urusetia Penerangan Negeri Kelantan | Jabatan Kerajaan dan Agenzi-agenzi | Syarikat swasta terpilih | Muzium Negeri | Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandaraya Islam | Syarikat-syarikat Swasta terpilih | Perhotelan dan Agenzi-agenzi Pelancongan | Kedutaan-kedutaan Malaysia terpilih dan Suruhanjaya Tinggi | Kedutaan-kedutaan Asing | Institut Pengajian Tinggi terpilih dan Majlis Pelajar-pelajar | Persatuan Anak Kelantan Di Perantauan | Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mana-mana bahagian di dalam majalah ini sama ada artikel, gambar dan isi kandungan dicetak tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak PMBK. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Semua material penerbitan yang dikirimkan kepada PMBK akan menjadi hak milik PMBK. Sebarang pertanyaan berkaitan editorial dan pengiklanan serta edaran perlu di alamatkan kepada PMBK. Sidang redaksi menyediakan hak-hak untuk pengeditan dan / atau menulis semula semua bahan menurut keperluan penggunaan penerbitan



كصيحتن دالمن  
كچنتيقن لوارن

KESIHATAN DALAMAN  
KECANTIKAN LUARAN

**Nutrifera™**

Produk Kesihatan & Penjagaan Diri  
Berasaskan Bahan Semulajadi



**KELANTAN BIOTECH  
CORPORATION SDN BHD**  
Peneraju Industri Bioteknologi Negeri Kelantan

09-976 5280

[www.kelantanbiotech.com.my](http://www.kelantanbiotech.com.my)





# QIADAH

KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATION

A leader who defies his Creator is unable to properly fulfill his responsibilities to society and the country. And unfortunately in a secular environment where man is always seen as a separate entity from his Creator, the concept of total submission to the Al-Mighty is rather a foreign one.

**FOKUS TEMA**

**12** MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

**VARIASI**

**27** MENELUSURI PERUBAHAN PENTADBIRAN

**PEMIMPIN**

**32** DATO' P.K.N

**TOKOH**

**36** HJ ABDULLAH TAHIR

**WARISAN**

**40** THE KELANTANESE KITE

**DESTINATION**

**46** PANTAI SRI TUJOH

**MAKANAN**

**51** TEPUNG PELITA

**KELANTAN BRAND**

**54** MINYAK MESTIKA

**KELANTAN SANASINI**

**59** EDDLEE FRIED CHICKEN

**FOKUS PMBK**

**63** TEH GAHARU

**AKTIVITI PMBK**

**67** PERASMIAN KILANG GMP BIOTECH

**AKTIVITI PMBK**

**70** MAJLIS PERPISAHAN & PENYERAHAN TUGAS

**AKTIVITI PMBK**

**72** PENYERAHAN CEK WASI KIFAALAH

**AKTIVITI PMBK**

**74** BAZAR TOK GURU - MAPEX

**AKTIVITI PMBK**

**77** SKIM BANTUAN IMAM AL-GHAZALI

**AKTIVITI PMBK**

**79** 100 HARI CEO

**TEROWONG MASA**

**84** TEROWONG MASA

**INSPIRASI KELANTAN**

**86** KARANGKRAF

**KELANTAN A TO Z**

**90** KELANTAN A-Z

# Peristiwa

The Chief Minister Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat inaugurated a pharmaceutical factory, Nutraseutikal, on 28th Mac 2010 in Labok, Machang.

Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd (KBCSB), a subsidiary company of Chief Minister Incorporated was certified by the National Pharmaceutical Bureau to have achieved a 'Good Manufacturing Practice' (GMP) status on 26th April 2010.

KBCSB is involved in the production of personal and health products particularly those based on virgin coconut oil. In addition, it provides manufacturing services for new and budding factories. To be competitive, nationally as well as internationally, quality assurance is high on the KBCSB's agenda.

Menteri Besar Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat merasmikan kilang Nutraseutikal, Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd (KBCSB), 28 Mac 2010. Kilang di Labok, Machang ini telah dianugerahi status Amalan Pengilangan Baik atau GMP (Good Manufacturing Practice) oleh Biro Farmaseutikal Kebangsaan pada 26 April 2010.

Kilang ini mengeluarkan produk penjagaan diri dan kesihatan terutamanya produk yang berdasarkan minyak kelapa dara. Di samping itu KBCSB juga memberikan khidmat pengilangan kepada kilang-kilang baru. Pendekatan ini memastikan kualiti produk yang dihasilkan sentiasa terjamin dan mampu menembusi pasaran tempatan dan juga antarabangsa.

# Mutiara Kata

# Nota Ketua Editor


## TATKALA HATI BERBICARA

"Ilmu ini tumpang menumpang, pelajar menumpang ilmu guru.. guru menumpang kebijaksanaan murid. Justeru, jalan ilmu perlulah sentiasa diterokai. Saya mengharapkan rakyat Kelantan bukan sahaja berusaha menjadi pelajar yang baik tetapi juga guru yang beriman..."

"Saya suka mengingatkan rakyat bahawa kita bekerja untuk mendapatkan pahala. Jika di dunia kita makan gaji dengan mendapatkan wang sebagai balasan, maka makan gaji dengan Allah balasannya ialah pahala. Dan pahala ialah wang ringgit kita di akhirat."

"Perkara sepenting air, udara dan darah tidak dapat dicipta oleh manusia, Allah SWT yang menciptanya. Lantas, hidup di bumi ini sebenarnya menumpang rahmat Allah SWT. Alangkah ruginya orang-orang yang hidup di dunia tetapi menafikan ketuanan Allah SWT. Semoga segala kerja yang dilakukan oleh kita semua menjadi bekal kita di hadapan Rabbul Jalil.."

YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat



Selama dua puluh tahun pentadbirannya mengharungi pelbagai rintangan-halangan getir yang sukar dilupakan. Sebaik saja mengambil alih tumpuk pentadbiran negeri misalnya, musuh politiknya awal-awal lagi sudah memperlekeh kemampuan kerajaan baru yang dipimpinnya. Kata mereka jangka hayat kerajaan baru hanya tiga bulan, atau paling lama enam bulan.

Senario itu seolah-olah belum mencukupi. Hingga ke hari ini pentadbirannya terus-terusan digangu oleh siri-siri halangan yang bukan saja tidak demokratik malah kekadang disengajakan. Tindakan yang jelas 'mala fide' itu dimungkinkan dengan bantuan pelbagai taktik dan instrumen yang mereka ada – semuanya tanpa segan silu dan sembunyi-sembunyi.

Namun sebagai sebuah pentadbiran Islam yang sentiasa istiqomah di bawah panji-panji "Membangun Bersama Islam" dengan teras dan paksi pelaksanaan 'Ubudiah, Masuliah dan Itqan' (UMI), pembangunan negeri terus-utuh cemerlang; baik fizikal maupun rohani. Sesungguhnya inilah rekor sebuah pentadbiran Islam zaman moden yang sukar diperolehi.

Hakikat yang terpampang di depan kita sememangnya jelas. Dalam tempoh 20 tahun pelbagai contoh tindakan yang telah dilaksanakan boleh kita teliti. Senarainya cukup banyak, bermula dari yang tidak memerlukan 'pitih' (duit) seperti memulakan sesuatu majlis dengan membaca al-Fatihah dan men-gakhirinya dengan membaca tasbih kafarah dan surah al-'Asr, sehingga-lah kepada pengorbanan peribadi dengan mengembalikan 45% daripada gajinya kepada tabung negeri dan parti.

Kemudiannya kita temui contoh-contoh yang lain-lainnya: Sistem perbankan tanpa riba, pajak gadai Islam ar-Rahn, cuti bersalin 60 hari, bekerja 5 hari seminggu, pinjaman perumahan tanpa faedah, rumah tiga bilik, kaunter berasingan untuk lelaki dan perempuan, perempuan 'cantik' kerana meritnya bukan kecantikannya, kempen menutup aurat, Skim Kifaalah dan Ladang Rakyat. Senarainya masih panjang.

Bagi yang masih memandang remeh, Kelantan sering dilihat (diperlekeh) sebagai negeri yang ketinggalan dalam pembangunan fizikalnya. Anehnya walaupun terus-terusan diremehkan, namun pelbagai program pembangunan yang dimulakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan ditiru pula secara diam-diam, dari semasa ke semasa.

Dalam konteks ini ada satu aspek yang belum dapat ditiru oleh pentadbiran lain: istiqomahnya Tok Guru Nik Aziz dalam memantapkan keyakinan rakyat jelata bahawa yang ghairah dalam kehidupan di dunia ini mestilah diperjuangkan sehingga ke akhir hayat. Kata Tok Guru, di akhirat kelak kita juga memerlukan 'pitih', iaitu pahala.

Apakah di abad ke-21 ini masih terdapat pentadbir besar negeri/negara yang sentiasa dan terus-terusan bertindak dan berkata sedemikian? Ya, Qiadah keluaran ini kita memfokus bicara tentang pentadbiran Membangun Bersama Islam selama 20 tahun di Kelantan.



Salam  
Ir Hj Mustafa Salleh



# Keunggulan Kepimpinan TOK GURU NIK AZIZ

MENGIKUT PANDANGAN SARJANA KEPIMPINAN BESAR SEPANJANG ZAMAN

OLEH DR. SHAHARIR BIN MOHD ZAIN

Mantan Profesor Matematik-fizik UKM dan UMT  
dan Mantan Presiden Akademi Sains Islam Malaysia  
[riramzain@yahoo.com](mailto:riramzain@yahoo.com)

Penilaian kehebatan seorang pemimpin boleh dilihat daripada pelbagai sudut, perspektif dan dimensi. Sarjana kepemimpinan dan kepengurusan sepanjang masa mencungkil sifat-sifat pemimpin dan pengurus yang terbaik atau unggul, secara cerapan atau empirik dan secara prinsip ajaran agama atau ideologi, dalam usaha melahirkan sebuah senarai atau aksiom yang terpendek, *simple* tetapi mencakupi, komprehensif dan tidak bersandar antara satu dengan yang lain. Kerja ini memanglah belum muktamad. Sifat-sifat ini diharap akan dapat menjadi iktibar kepada para pendidik bidang ilmu ini, dan kepada bakal pemimpin dan pemimpin sepanjang masa.



Dalam tamadun Barat, sarjana yang pertama melakukan kerja ini ialah seorang sarjana Itali yang bernama Machiavelli, melalui karyanya *Il Principe*, pada tahun 1532 (dalam bahasa Itali), yang terkenal dengan kandungan teori kepemimpinan sekularnya, iaitu yang kemudiannya digelar atas namanya, Machiavellian. Buku ini diterjemah ke dalam pelbagai bahasa Eropah dalam abad ke-16 M dan ke-17 M, khususnya ke dalam bahasa Inggeris buat pertama kalinya dalam tahun 1680 sebagai *The Prince*, dan terjemahan pertama dalam bahasa Melayu Indonesia pada tahun 1959, berjudul *Kepala Negara*. Terjemahan ke bahasa Melayu Malaysia, *Penguasa: Surat Seorang Negarawan kepada Pemimpin Republik*, terbitan DBP, 1989.

Teori kepemimpinan Machiavelli itu menegaskan pemimpin yang terbaik, antara lainnya dan terpenting (malah berpengaruh hingga kini) ialah seorang yang mampu melakukan apa sahaja yang dapat menyelamatkan kuasanya – “*the end justifies the means*”, atau yang kami cipta lebih sedekad dahulu “faedah membenarkan kaedah”. Ciri kepemimpinan sebegini memang jelas tidak dihayati oleh Tok Guru Nik Aziz, seperti contoh terbarunya dalam pendiriannya tentang “Kerajaan Perpaduan” dan contoh-

contoh lain lagi yang akan dibincangkan dalam makalah ini.

Teori kepemimpinan bukan Barat memang banyak. Malangnya teori bukan Barat tidak begitu diketahui dan dipelajari oleh kita, kerana keghairahan kita mengejar “kemajuan Barat” sehingga yang dikehendaki tidak dapat-dapat dan yang dikendong semakin bercirikan. Orang Barat semakin mencari-cari sifat-sifat kepemimpinan yang lain lagi daripada tamadun bukan bangsanya sendiri, kerana mereka rasa warisan bangsanya sudah habis dicungkil dan dicuba tetapi masih tidak berjaya. Umpamanya mereka cukup tertarik dengan ciri kepemimpinan yang ditunjukkan oleh seorang ahli strategi perang China sebelum masih, bernama Sun Tze, sehingga puluhan buku kepemimpinan dan kepengurusan ditulis berdasarkan buku catatan perang pemimpin tentera itu.

Sehingga kini keghairahan sarjana Barat mencungkil teori kepemimpinan dan kepengurusan mereka berdasarkan pahlawan Islam dahulu masih belum berlaku; dan malangnya umat Islam juga mengikut tingkah laku sarjana Barat!



Tok Guru Nik Aziz menyampaikan hadiah kerusi roda kepada orang kurang upaya.

Dalam makalah ini kami menyimpang daripada tabiat itu. Kami membawa pelbagai teori kepemimpinan daripada pelbagai tamadun, termasuk tamadun sendiri, bagi menilai tahap keunggulan kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz.

Dalam tamadun Melayu, kerja seperti yang dilakukan oleh Machiavelli itu telah dilakukan oleh sarjana di Alam Melayu jauh lebih awal, iaitu pada zaman Kerajaan Melayu-Campai, oleh seorang penulis (tanpa nama) yang menghasilkan catatan di prasasti (batu bersurat) bertarikh 1010 Saka (tahun Melayu sebelum Islam) bersamaan dengan 1088 M. Dia menyenaraikan 32 sifat pemimpin agung yang digelar *cakravantin* (“tok batin sejagat” atau “pemimpin sejagat”), yang kami simpulkan kepada lima sifat asasi atau aksiom kepemimpinan *cakravantin*. (Ini akan diperkatakan pada akhir makalah ini, kerana teori kepemimpinan Melayu yang tertua ini nampaknya sedang hebat diamalkan oleh para pemimpin kita kini.) Pada zaman Tamadun Islam (yang mendahului Tamadun Eropah), ramai sarjananya memaparkan dan memperakarkan sifat-sifat unggul seseorang

Tok Guru Nik Aziz, Menteri Besar Kelantan, tidak syak lagi dianggap umum sebagai “lain daripada yang lain” di kalangan Menteri Besar atau Ketua Menteri di negeri-negeri di Malaysia sejak merdeka, kerana penampilannya dan ketokohnya beraliran agama. Kami berhasrat untuk mengkaji kelainan itu menerusi kaca mata para sarjana besar Tamadun Islam, sarjana besar Melayu dan sarjana besar Barat mutakhir yang disebut di atas; iaitu sejauh manakah aksiom kepemimpinan yang unggul mengikut pandangan sarjana-sarjana agung itu menepati-tidaknya dengan sifat-sifat kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz.

Sebelum itu, ketokohnan Tok Guru Nik Aziz elok dibincangkan dulu dalam konteks “makna pemimpin Melayu”, kerana aspek ini juga kami anggap penting. Ia terabai selama ini, sedangkan sarjana Inggeris sering membincarkan soal seperti ini dalam konteks bahasanya (*leader*), ketika sarjana Melayu sentiasa menganggap “pemimpin sama sahaja dengan *leader*”.




## Serasi dengan Jiwa Melayu

Perkataan “pimpin” (Melayu) berbeza maknanya dengan “lead” (Inggeris); oleh itu teori kepemimpinan Melayu semestinya berbeza dengan teori kepemimpinan Inggeris, atau lebih am lagi Eropah.

Mengikut mana-mana kamus muktabar bahasa Melayu (Malaysia atau Indonesia), perkataan “pimpin” bermakna memegang tangan seseorang menuju ke suatu arah yang dipersetujui bersama. Pemimpin mestilah sentiasa tidak terputus dengan yang dipimpin, iaitu rakyat. Ini berbeza dengan makna “lead”. Oleh itu kefahaman makna “pemimpin” sebenarnya berbeza dengan kefahaman makna “leader”. Makalah ini akan memperlihatkan betapa makna pemimpin beginilah yang dihayati dengan bersahajanya oleh Tok Guru Nik Aziz.

Selanjutnya perkataan “pimpin” bukan daripada Sanskrit, Latin atau Arab. Kami dapat “pimpin” itu perkataan Jawa, Sunda (“pingpin”), Minangkabau (“bombing”), atau Iban. Yang menariknya, mengikut bahasa dan sejarah Iban,



Ini adalah aksiom kepemimpinan yang unggul mengikut pandangan sarjana Islam tersebut di atas. Sejauh manakah sifat-sifat ini ada pada Tok Guru Nik Aziz? Perkara yang relevan, besar dan tidak jelasnya ialah (PAM2) hingga (PAM5); manakala (PAM1) tidak timbul langsung isunya dengan peribadi Tok Guru, dan (PAM6) ditafsirkan sebagai keturunan yang baik, juga tidak timbul isunya.

Bapa Nik Aziz seorang Tok Guru (bergelar Nik Mat 'Alim) dan berketurunan Raja Jembal, iaitu raja Kelantan sebelum abad ke-18 M. Nama bapanya iaitu Nik Mat, ialah beretawa Raja Muhammad bin Raja Banjar (dan seterusnya bin Raja Majam bin... bin... bin... bin Raja Sungai bin Raja Jembal). Jadi Nik Aziz memang berketurunan "Quraisy", dalam kontek metafora itu. (Lihat Wan Ji & Saifulamri, 2010)

Tentang ciri (PAM2), bukan kerana bergelar "Tok Guru" semata-mata, serta puluhan buku berdasarkan kuliah/tazkirah mingguannya, tetapi pendidikan rasminya pun membuktikan keberilmuannya. Beliau berkelulusan di bidang Hadith dari Universiti Darul 'Ulum Deoband, India; ber-Sarjana Muda dalam bidang bahasa Arab dan Sarjana dalam Perundungan Islam, dari Mesir. Walaupun tidak meneruskan pengajian hingga peringkat tertinggi, namun daripada buku-buku karyanya ternyata beliau banyak memberi sumbangan fikiran baru terhadap ilmu tafsiran, khususnya yang berhubung dengan sosiopolitik dan perundungan Islam, sehingga melayakkan dirinya sebagai seorang mujahid/pentajid/pengijtihad abad ini.

Umpamanya, hujah-hujah asli beliau dalam kesepaduan atau kekamiran politik dengan agama/Islam, dan tafsirannya tentang ibadah khusus seperti solat adalah tanggungjawab pemerintah menginstitusikannya, samalah dengan zakat, serta beberapa ijtihadnya tentang penetapan dasar dan strategi pemerintahannya di Kelantan sejak 1990 hingga kini, dalam pengisian dasar "Membangun bersama Islam" (Lihat Abdul Shukur & Annual, 2009). Hal itu memang melayakkannya sebagai seorang ilmuwan yang tinggi martabatnya; malah jika dipadukan dengan sifat-sifat peribadi dan amalan hidupnya sebagai pemimpin, banyaklah sifat ulul albab yang ada padanya.

Ciri (PAM3) *al-'Adalah* dapat dilihat pada kegiatan rutin harian Tok Guru Nik Aziz dalam pengabdianya kepada Allah (satu daripada komponen penting *al-'Adalah*) yang begitu ketara hebatnya, seperti "bangun bersolat dan berdoa seperti malam". Itu satu daripada amalan ilmuwan yang dikelaskan oleh Allah sebagai ulil al-bab. Dalam bahasa ilmu keterampilan diri masa kini, beliau memang tinggi amat dalam nisbah rohani (NR), (walau dalam keterampilan emosi-nya, iaitu nisbah emosi NE beliau agak rendah berbanding dengan tahap NR beliau.) Kekurangan NE itu terpancar misalnya dalam ucapannya, dengan pemilihan kata daripada bahasa Kelantan yang mempunyai makna yang negatif mengikut bahasa di luar Kelantan, maka mudah dieksplorasi oleh musuhnya, lalu menimbulkan kontroversi yang tidak sepatutnya sehingga boleh menjasakan kekredibelan beliau. Contohnya perkataan "barua" dan "samseng"....

Sifat (PAM4) *al-Kifayah*, yang dimiliki oleh Tok Guru Nik Aziz boleh dianggap tinggi darjahnya atau martabatnya. Ini dapat dilihat pada pendiriannya (sekaligus mewakili Kerajaan Kelantan dan PAS) menentang perkara-perkara yang dianggapnya bertentangan dengan fahamannya tentang Islam, tetapi diamalkan oleh pihak yang jauh lebih berkuasa dan lebih kuat daripadanya (Kerajaan Pusat), seperti hal-hal berikut:

"pimpin" ialah "menyeberang dari kiri ke kanan, arah penerangan burung ketika menerima sesuatu alamat buruk"; dan mengikut lagenda Iban, "pimpin" ialah sebahagian daripada gelaran ketua Iban zaman penghijrah Iban dahulu kala yang mengepalai kaum Iban berhijrah ke Sarawak, iaitu Pimpin Bragah Ngindang, yang bermaksud "burung sewah yang berlaga". Ini memberi bayangan bahawa "pimpin" itu berkonotasi "mempunyai kawasan yang luas untuk melihat, iaitu berwawasan ketika berhadapan dengan konflik dan perjuangan". Langkah tepat dan bitaranya (tiada taranya) dengan sifat seorang "pemimpin" sebegini, yang boleh dianggap pemimpin unggul dari pandang alam Melayu!

Kesimpulannya, mengikut pemikiran dan jiwa Melayu, menerusi bahasanya, pemimpin yang unggul ialah pemimpin yang berwawasan dan sentiasa bersama rakyat sedekat mungkin. Ciri ini sememangnya dihayati dengan bersahajanya oleh Tok Guru Nik Aziz sebagai pemimpin Kelantan selama 20 tahun ini.

## Aksiom Kepemimpinan Sarjana Tamadun Islam

Berasaskan karya al-Mawardi, Ibn Khaldun, al-Baqilany, al-Qurtuby dan al-Juwayny, Andek Masnah (dalam bukunya *Kepimpinan Wanita dalam Islam. Kedudukan dalam Syariah*) membuat kesimpulan enam syarat pemimpin (istilah asalnya "khalifah" dan "al-Imamah"), iaitu:

- (PAM1) *al-Wilayah al-'ammah* (Islam, baligh, merdeka, berakal, lelaki);
- (PAM2) Berilmu;
- (PAM3) *al-'Adalah* (berpegang teguh kepada ajaran Islam, berakhlik yang baik, bercakap benar, amanah, sabar, dapat mengawal emosi, dsbnya);
- (PAM4) *al-Kifayah* (berani, cekal dan bersemangat waja);
- (PAM5) Sejahtera pancaindera dan anggota badan;
- (PAM6) Keturunan Quraisy.

1) Penentangannya terhadap ISA (bukan kerana semata-mata anaknya sendiri menjadi mangsa akta ini). 2) Larangan penjualan arak secara terbuka. 3) Pemansuhan lesen judi.

4) Tetap keras menghukum Umno sebagai pendokong 'asobiyyah dan sekularisme yang kedua-duanya bertentangan dengan Islam, yang juga dianggap sama statusnya dengan komunisme dan ajaran sesat (seperti ajaran Ayah Pin), sehingga beliau menamakan Islam yang diperjuangkan Umno sebagai "Islam palsu" atau "Islam plastik" (yang dengan kreatif katanya sama dengan "wang palsu", "rambut palsu" dan "kad pengenalan palsu").

5) Menghebahkan rasuah yang cuba diberi kepadanya. 6) Hujah berani dan bernas tentang sebab perpecahan Melayu. 7) Hujah sebab tidak Islamnya parti atas nama bangsa. 8) Hujah tidak adilnya menghalang tulisan awam dalam bahasa-bahasa lain. 9) Hujah kerasnya tidak mahu 'Kerajaan Perpaduan' yang bersekongkol dengan Umno. 10) Penggantungan kegiatan kesenian yang ada unsur khurafat dan syirik (seperti wayang kulit, menora dan main puteri).

Di dunia Melayu amnya, tiadalah lengkap jika isu kepemimpinan Islam tidak diketengahkan pandangan Imam al-Ghazali (mati 1111M). Maka di sini diperturunkan pandangan beliau tentang kepemimpinan, yang menyenaraikan lapan sifat pemimpin yang diperakuinya sebagai sifat unggul:

- (PG1) pintar;
- (PG2) adil;
- (PG3) sabar;
- (PG4) sederhana dalam segala-galanya;
- (PG5) tidak dendki;
- (PG6) tidak bongkok;
- (PG7) tiada niat jahat atau berprasangka buruk; dan
- (PG8) tidak sempit fikiran.

Kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz memang banyak yang memenuhi 8 sifat pemimpin unggul hasil ijтиhad Imam al-Ghazali itu. Hampir semua sifat itu terangkum dalam aksiom kepemimpinan Tamadun Islam yang dibicarkan di atas. Sifat yang akan dibicarkan dengan terperinci lagi di sini ialah PG4 (sederhana dalam segala-galanya), sebab ia sifat utama dalam model keterbaikan atau keoptimuman kami.



Kediaman Menteri Besar Kelantan, di Pulau Melaka

Kesederhanaan atau *wustda*-nya Tok Guru Nik Aziz sudah-pun dibicarkan oleh Abdul Shukur & Annual (2009), Wan Ji & Saifulamri (2010) dan Dinsman (2000, 2008). Di sini kami hanya mengumpulkan fakta daripada sumber-sumber tersebut dan sedikit tambahan, bagi tujuan membuktikan kenanya PG4 dengan kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz.

Kesederhanaan Tok Guru Nik Aziz terpancar daripada gaya hidupnya sendiri, yang terkenal tiada perubahan setelah beliau menjadi Menteri Besar dengan sebelumnya: 1) Rumah kediaman dan pakaianya jelas tidak berubah, malah beliau menjadikan kediaman rasminya untuk kegunaan rakyat yang memerlukan, seperti rakyat yang dilanda bah.

2) Keingganan jiwanya untuk menjadi Menteri Besar sehingga terpaksa dipujuk dan akhirnya beliau menerima dengan penuh tanggungjawab dan menganggap jawatan itu sebagai "kesengsaraan di dunia dan penyesalan di akhirat", dan seringkali pula mengingatkan rakyat supaya "tolong sebut kepada saya, di manakah yang tidak sesuai dengan Islam selama saya memimpin Kelantan?"

3) Memotong eluan Menteri Besar baginya sehingga 40% untuk Tabung Serambi Mekah, dan 5% untuk "derma kepada partinya". 4) Menghapuskan peruntukan kepada Menteri Besar bagi eluan berbuka puasa dan sambutan hari raya. 5) Meneruskan kegiatan kuliah subuh dan kuliah mingguan yang menjadi amalannya sebelum menjadi Menteri Besar, kerana di situah juga beliau mengambil kesempatan mengamalkan makna "pemimpin Melayu" seperti yang dibicarkan di atas. 6) Begitu jugalah dengan layanannya untuk meghadiri kenduri-kendara perkahwinan, kematian, kelahiran dan sebagainya, tetap dilakukannya sepanjang masa.

Kesederhanaan juga dipancarkannya dalam pelaksanaan "Membangun Bersama Islam", dengan pemilihan sektor pembangunan sosioekonomi yang tidak memerlukan biaya bermega-mega, tetapi mudah tepat dengan sasarannya dan besar manfaatnya. Ini banyak diperkatakan dalam Dinsman (2000, 2008), yang sebahagiannya (dianggap penting) ditonjolkan dalam makalah ini.

Aksiom kepemimpinan sarjana Muslim Melayu abad ke-17M, Bukhary al-Jawhary, dalam karya agungnya *Taj al-Salatin* (1603) ialah:

- (PBJ1) menyeru kebaikan dan mencegah kejahanatan, tidak buat bid'ah;
- (PBJ2) tidak alpa dan tidak bebal;
- (PBJ3) berbuat adil dan menjauhi kezaliman;
- (PBJ4) berpusatkan rakyat;
- (PBJ5) bayangan Allah di bumi (*Zilal fil ard*).

Perhatikan betapa dekatnya setiap sifat pemimpin unggul mengikut pandangan sarjana agung Melayu abad ke-17 M ini dengan kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz, kerana sifat-sifat ini ialah natijah daripada kepemimpinan Islam; dan Tok Guru Nik Aziz memang berusaha keras menzhirkannya dalam pelaksanaan "Membangun Bersama Islam"nya itu.

Tok Guru Nik Aziz tidak pernah lekang daripada (PBJ1) "menyeru kebaikan dan mencegah kejahanatan" dalam setiap kesempatan yang ada. Dalam siri kuliah mingguannya, itulah kerjanya, yang dikaikan pula dengan kerja pemerintahannya, dan suasana politik semasa yang padanya penuh dengan "kejahanatan" itu. Beliau tidak sekali-kali berpegang

pada sikap pemimpin lain, iaitu seperti "soal moral adalah soal peribadi", "soal pakaian adalah soal peribadi", atau lebih am lagi "soal halal-haram hanya perlu diselesaikan menerusi pendidikan"; apatah lagi berpegang kepada prinsip "semua agama sama".

Beliau selalu lantang menyatakan Islamlah penyelesaian segala masalah manusia, Islamlah agama sebenar, *ad-din* (cara hidup), dan tugas pemimpin Islam ialah merealisasikan segala perundangan dan pemerintahan negeri dan negara mengikut lunas-lunas Islam. Itulah sebabnya beliau dengan cepat melaksanakan apa sahaja yang boleh dilakukan di peringkat negeri dalam soal "menyeru kebaikan dan mencegah kejahanan" itu, seperti:

1) Menunjukkan pentingnya penghapusan amalan riba' di kalangan rakyat, dengan memastikan kerajaan Kelantan sendiri mengurus dan melakukan urusniaga semua hal kewangannya menerusi perbankan Islam. (Beliau berpegang pada prinsip bahawa perbankan Islam bukannya alternatif tetapi suatu kewajiban bagi Muslim).

2) Menghapuskan kegiatan judi dan minum arak di kalangan Muslim, dengan meniadakan jualan terbuka arak dan lesen kebenaran berjudi.

3) Mewajibkan wanita yang bekerja dengan kerajaan dan yang berurusan dengan orang awam menutup aurat.

4) Melarang iklan wanita yang mendedahkan aurat.



5) Tidak mengizinkan kegiatan seni yang jelas mengandungi unsur khurafat, tetapi pada masa yang sama menggalakkan pengIslamkan kegiatan seperti mengadakan hiburan (konsert dan sukan) secara Islam, dengan pemisahan khalayak lelaki dan perempuan, dan mengadakan sembahyang fardhu berjemaah sebelum bermulanya hiburan itu.

6) Mengadakan bulan sembahyang (kerana beliau yakin dengan benarnya hukum Allah bahawa "sembahyang pencegah kejahanan").

7) Mewujudkan budaya berdoa dan sembahyang hajat setelah melakukan usaha yang sebaik-baiknya.

8) Mengingatkan dosa-pahala dalam segala kegiatan kehidupan.

Semua itu adalah langkah dan strategi Tok Guru Nik Aziz bagi "menyeru kebaikan dan mencegah kejahanan", yang tidak pernah dilakukan oleh pemimpin lain dalam sejarah kepemimpinan moden di Malaysia.

Tentang (PBJ4) bagaimana berjiwa rakyatnya Tok Guru Nik Aziz sudahpun dibincangkan di atas. Berkenaan (PBJ5) betapa seorang pemimpin itu perlu menganggap dirinya sebagai "bayangan Allah di bumi", dalam artikata menjadi hamba pelaksana segala hukum Allah, tidaklah perlu dihuraikan lagi betapa tingginya iltizam Tok Guru Nik Aziz bertindak demikian. Dipacu oleh gaya kepemimpinan yang berjiwa rakyat dan berperanan sebagai bayangan Allah di bumi inilah maka banyak perkara yang dilakukannya berpusatkan kepada kepentingan rakyat. Antaranya:

1) Menyedari yang rakyat Kelantan suka bergadai tetapi selama ini tatacaranya bertentangan dengan Islam, Tok Guru Nik Aziz mengadakan al-Rahnu – pergadaian cara Islam (mendahului al-Rahnu tajaan YAPEIM, Kerajaan Pusat).

2) Membela armalah (ibu tunggal) dan anak Yatim yang sering teraninya, melalui Skim Armalah dan Anak Yatim, dan Skim Takaful Armalah.

3) Membela rakyat yang semakin banyak berpenyakit kronik, dengan mengadakan Skim Kesihatan Sakit Kronik.

4) Membantu rakyat dalam urusan kematian, melalui Skim Takaful Kifaalah untuk yang berumur 60 tahun ke atas.

5) Membela OKU (orang kurang upaya) dengan mengadakan Skim Bantuan OKU.

6) Membela rakyat miskin terutamanya yang terpersekut jauh di luar, termasuk Orang Asli, dengan mengadakan Skim Ladang Rakyat.

7) Membela rakyat dhaif (berpendapatan rendah) terutamanya kalangan armalah dan orang tua, dalam menyediakan tempat tinggal yang selesa melalui Skim Rumah Rakyat .

8) Menyediakan dana bantuan segera kepada rakyat yang ditimpakan bencana (kebakaran, banjir, ribut dan sebagainya) dengan Skim Bantuan Segera Bencana.

Setiap langkah kerajaan Kelantan ini melambangkan kesederhanaan Tok Guru Nik Aziz dalam merealisasikan cogan popular "meminimumkan belanja, memaksimumkan bahagia".

### Aksiom Kepemimpinan Barat Mutakhir

Pada tahun 2000, Kirkeby (dalam bukunya *Management Philosophy. A Radical-Normative Perspective*) mengutarakan enam aksiom kepemimpinan yang perlu dimiliki oleh seorang pemimpin yang unggul, seperti berikut:



Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu

- (PK1) Euboulia – kebolehan berfikir dengan totalnya dan memerinci dengan menyeluruhnya.
- (PK2) Euforia dan keghairahan.
- (PK3) Hipomon – kemampuan bersabar
- (PK4) Prolepsis – mengantisipasi, mencerminkan kemampuan memperkayakan pengetahuan lazim dengan kuasa-kuasa pengalaman peribadi.
- (PK5) Epibol, yang hampir setara dengan intuisi.
- (PK6) Maieutik – kesenian kebidanan dan kebolehan merangsang orang lain supaya mencari kebenaran, merasakan keinginan mencari watak adabnya sendiri malah jiwa atau "nafs" (atau 'self') dirinya.

Senarai aksiom kepemimpinan Kirkeby ada yang bertindak dengan nilai dan fadhilat Islam, seperti yang jelasnya PK3 dan PK5. Dua sifat ini mungkin mudah diperoleh daripada sosok kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz. Rasanya tidak ada pemimpin di Malaysia yang paling dihimpit oleh tekanan, tohmah, fitnah dan konspirasi lebih daripada yang dihadapi oleh Tok Guru Nik Aziz. Kemampuannya bertahan dengan tanpa kesilapan yang besar untuk selama 20 tahun itu tentunya memerlukan tahap kepintaran, wujdan (epibol atau intuisi) dan kasabaran (hipomon) yang luar biasa. Beliau dikatakan beroleh kekuatan jiwa dalam mengharungi serangan musuh politiknya menerusi amalan kerohanian, seperti "amalan seperti malam", yang tentunya pemimpin sekular tidak mempedulikannya. Ini bermakna aksiom ke-3 dan ke-5 tajaan Kirkeby itu sebenarnya terkandung kecil di dalam "amalan kerohanian Islam".

Tentang aksiom (PK2) euforia, sesiapa sahaja yang melihat cara kerja Nik Aziz nescaya akan terasa pancaran keghairahannya melakukan sendiri dan menyeru rakyat melakukan bersama, sesuatu yang merubah jiwa-raga dan tahap kehidupan seseorang dunia-akhhirat, dengan menekankan konsep ibadah, dosa-pahala, tanggungjawab manusia terhadap tuhan maha-pencipta dan mahakuasa dan maha segalalanya, termasuklah "maha samseng" yang kontroversi itu. Lagi sekali konsep euphoria Tok Guru Nik Aziz cukup luas dan euphoria Kirkeby itu amatlah kecil berada di sudut euphoria Tok Guru Nik Aziz.

Berkenaan (PK1) euboulia, memanglah menjadi hasrat utama Tok Guru Nik Aziz melakukannya dalam konteks keinginannya bekerja dalam tasawur Islam. Namun dengan kekangan yang

menghimpitinya, beliau ternyata masih kurang membuktikan tahap euboliannya yang tinggi, seperti yang ditunjukkan oleh tindakannya dalam penghapusan riba' (dengan hanya meletakkan segala urusan kewangan Kelantan mengikut sistem perbankan Islam tajaan Umno, dan lain-lain hal kewangan yang dibicarkan di dalam Dinsman 2008); tetapi tidak pernah menyuarakan kelemahan sistem perbankan Islam itu, dan oleh itu berusaha mengumpul sarjana dan menyediakan prasarana untuk memperbaikinya.

Satu lagi contoh kekurangan Tok Guru Nik Aziz dalam menzahirkan euboulia beliau ialah dalam soal pendidikan Islam. Begitu tinggi hasrat dan euforianya (seperti yang dibicarkan Dinsman 2000, 2008), tetapi beliau belum ada program daripada daya usaha atau prakarsanya bagi menerbitkan model pendidikan Islam yang berlainan daripada yang dilakukan oleh Yayasan Islam Kelantan, yang sebenarnya masih sama dengan model Umno, cuma berbeza daripada segi keghairahan pelaksanaannya sahaja. Sistem berbentuk keselarian subjek Islam (seperti tawhid dan fiqh) dan subjek sekular (seperti sains, matematik dan ekonomi) masih digunakan, dan bukan dalam bentuk bersepadan seperti yang diimpikan oleh para sarjana Islam yang bergiat dalam gagasan pengIslamkan Ilmu atau ilmu mengikut perspektif Islam (yang diimpikan oleh para pejuang awalnya di Universiti Islam Antarabangsa, tetapi sudah tersisih sejak Reformasi).

Sepatutnya model baru "pendidikan Islam" cuba didaya-usahakan, agar wujud sekumpulan pendidik dan sarjana yang melaksanakannya secara kecilan dahulu di sekolah agama rakyat milik negeri, sebagai alternatif saingan kepada model "pendidikan Islam lazim" itu. Selagi hal sebegini belum dapat dilakukan, maka selagi itulah perkembangan "pendidikan Islam" berada di takuk lama.

### Cakravantin dan Kepemimpinan Melayu kini

Keunggulan pemimpin khasnya di Alam Melayu dicirikan oleh sifat-sifat pemimpin dalam cakravantin, yang tertulis di batu bersurat bertarikh 1088 M. Kami telah menyenaraikan 32 sifat cakravantin itu kepada 5 aksiom yang berikut:

- CV(i) : beraura dan berkarisma;
- CV(ii) : pemimpin agama (ketokaan/kesamian/kebikuan);
- CV(iii) : berilmu, berbudi dan berhikmah dalam konteks Buddhasme, termasuk dalam ketahanan negara;
- CV(iv) : mempunyai nilai/sila yang adi/mulia dalam konteks Buddhasme;
- CV(v) : berfikiran strategi, termasuklah selalu mengucar-ngacir musuh dan menggunakan empat cara bertindak terhadap kawan, lawan dan orang yang neutral mengikut kesesuaianya: negosiasi (*sama*), serangan (*danda*), perselisihan (*bheda*), dan rasuah (*upapradana*).

Jelaslah sifat-sifat atau aksiom kepemimpinan cakravantin ini masih relevan dan berlaku hingga kini, dengan pengubahsuaiannya konteks Buddhasme dengan "agama" masa kini (agama samawi dan bukan samawi yang dikenali sebagai ideologi atau -isme), khasnya Islam bagi Tok Guru Nik Aziz dan sekularisme dan liberalisme bagi kebanyakan pemimpin Melayu kini, terutama yang menjadi musuh politik Tok Guru Nik Aziz. Yang paling menarik ialah aksiom kelima cakravantin, khasnya *upapradana* (kini menjadi perkataan Melayu, upah, pra- dan dana) yang memang amat dihayati oleh kebanyakan pemimpin Melayu kini, atas nama "politik wang", "mengempen", "janji pilihan raya", bahkan "upah perkhidmatan" dan "bayaran perundingan".

Pendeknya *upapradana* telah menjadi sebahagian daripada budaya Melayu yang tidak dianggap kesalahan atau dosa besar, walaupun Islam mengajar sebaliknya. Untuk menyelamatkan keadaan ini, orang Melayu nampaknya bukan berlumba-lumba menghapuskannya tetapi berlumba-lumba menidak-apakannya, seperti bertindakbalas dengan ungkapan "mengata dulang paku serpih", dan sekaligus berusaha keras dengan hebatnya untuk menunjukkan Tok Guru Nik Aziz juga tidak terlepas daripada budaya yang terkutuk dan sentiasa dikutuk hebat oleh Tok Guru Nik Aziz selama ini.



Menghadiri kuliah agama di masjid

### Natijah Kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz

Kepemimpinan tokoh-tokoh pembangkang khasnya Tok Guru Nik Aziz tidak pernah digambarkan dengan sedikit positif pun oleh media massa perdana di Malaysia. Ini suatu yang bitara berlaku di negara-negara yang terkenal (berkedudukan rendah) dalam taraf kebebasan bersuara seperti Malaysia. Tok Guru Nik Aziz dan Kelantan sentiasa digambarkan berprestasi paling buruk dalam hampir semua perkara, khususnya yang paling digemari ialah hal sosioekonomi negeri Kelantan, sehingga kemunduran menjadi seerti dengan Kelantan: kononnya Kelantan negeri paling mundur, paling miskin dan paling tiada pembangunan, kerana kelemahan kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz.

Hakikat sebenarnya, sudah lama kedudukan Kelantan semasa di bawah pimpinan Tok Guru Nik Aziz terkeatas daripada beberapa buah negeri di bawah pembangkang. Bahkan data terbaru menunjukkan kadar pertumbuhan KDNK Kelantan mengatasi peratusan Negara 3 tahun berturut-turut sejak 2006 (5.9% lawan 5.8% tahun 2006, 7.5% lawan 6.2% tahun 2007 dan 5.1% lawan 4.1% tahun 2009). Kadar kemiskinan Kelantan meorosot dengan tidak kurang hebatnya (10% tahun 2004, 7.2% tahun 2007 dan 4.1% tahun 2008, yang pertama kali lebih rendah daripada kadar kemiskinan peringkat nasional setinggi 3.8%). Kadar kemiskinan tegar Kelantan pun 0.6% berbanding dengan peringkat nasional 0.8%.

Ini adalah tidak lain daripada natijah keunggulan kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz yang sentiasa diperkecil-kecilkan oleh pihak musuhnya itu.

(Fakta ini dapat dilihat dalam internet dengan menaip "kdnk Kelantan" atau terus ke alamat [http://www.harakahdaily.net/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=24540:kelantan-berjaya-kurangkan-kadar-kemiskinan&catid=1:utama&Itemid=50](http://www.harakahdaily.net/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=24540:kelantan-berjaya-kurangkan-kadar-kemiskinan&catid=1:utama&Itemid=50))

### Rujukan

- Abdul Shukur H. & Annual B.H. 2009. *Kemilau Peribadi Nik Abdul Aziz Nik Mat*. Petaling Jaya: Anbakri Publik Sdn Bhd.
- Andek Masnah A.K. 1999/2001. *Kepimpinan Wanita dalam Islam. Kedudukan dalam Syariah*. Snt ke-2, 2001. Bangi: UKM. Snt. Pertmanya 1999.
- Dinsman (pnyut.). 2000. *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam. Kelantan di Bawah Pimpinan Ulamak*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik.
- Dinsman. 2008. *100 Fakta Kelantan Mengubah Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Pikir.
- Kirkeby O.F. 2000. *Management Philosophy. A Radical-Normative Perspective*. New York: Springer Verlag.
- Shaharir b.M.Z. 2008. *Teori Kepengurusan dan Kepemimpinan Alam Melayu*. Terengganu: UMT.
- Wan Ji W.H. & Saifulamri M.H. 2010. *Kezuhudan Umar Abdul Aziz dan Kesederhanaan Nik Abdul Aziz*. Petaling Jaya: Rijal Media.

**(Diedit dan diringkaskan oleh Dinsman, dari pada manuskrip buku yang akan diterbitkan)**



# Spirituality & Leadership

THE SEEDLING OF A SPIRITUALLY-DRIVEN LEADERSHIP  
PHILOSOPHY FOR THE FUTURE

BY KASSIM MUHAMAD

including his staff, were quite bewildered.

"How come our State Director assumes the role of a preacher? The whole 'thing' sounds more like a sermon rather than what quality is all about."

Was the approach by 'my friend, the doctor' really unusual? No. Not under the leadership of Tok Guru Nik Aziz, TGNA the Chief Minister of the state of Kelantan. There is nothing unusual about the episode just cited. Twenty years in office, that has been the crux of his administrative philosophy — to inculcate the belief that life does not end here — in this present world. And what actually does that mean? A man is responsible for all his deeds here, in the present life and the Hereafter.



On 24th October 1990, his third day in office as the Chief Minister, in his usual session at the Pulau Melaka Mosque adjacent to his home, he declared 45% of his monthly income would be allocated for the state and party coffers. That without doubt is a significant portion for a person who, since his early days was neither a business man nor a corporate figure.

To illustrate the various pertinent aspects of his leadership, here are some of the excerpts — salient features of his administrative ideas, thoughts, philosophy and — most important his innovative walk-the-talk radical approaches in leading the state.

He used to give this reminder:

"What I would like to stress and call to mind by all the ruling State Legislative Members is the fact that the aim of becoming a law-maker is not to accumulate wealth, but to serve. If it is wealth that they are after, then they should be in the business world."

The message to elected Pas representatives is crystal clear: They are elected to serve the people, hence serve the people they must. As Pas members they completely understand that the fruits of their political struggle are not the short-term worldly pleasures but their never-ending sacrifices for the benefit of the people at large. Leadership is not about a process to amass wealth and clamour for personal glories-cum-luxuries. Such are the ideals.

When enquired by his state financial official in 1990 when Pas took over Kelantan, how would one administer the state by following the Islamic tenets, TGNA's response then was "Let us begin with something that is free of charge and easy to perform, such as — beginning and ending a meeting with the doa, the prayer and recitation of related verses."

His commitment to the implementation of Islamic administrative practices is something irreconcilable. At the on-set of his era, he embarked on the mission to free the state financial coffer from any form of riba i.e. an administration which is interest-free in financial content. For a state with rather limited resources, this very move meant a further reduction in the state's revenue. He, nevertheless, proceeded with it.

Speaking of revenue, Kelantan's main source of income is timber. To increase revenue from the state's scarce resource, the Pas-led government of TGNA introduced an open tender system as part of the mechanism in managing timber harvesting yields. This transparent procedure helps increase timber yield per unit area, hence the state's revenue. Undoubtedly this is a much more superior administrative approach when compared with that of the previous government.

Another salient feature, a hall mark of his administration is its thriftiness. In this respect, it is observed that, "The amount of money available even though limited, if properly spent would forge the spirit of understanding and harmony amongst the people. The masses understand the situation."

The outcome is indeed encouraging. Today the people of Kelantan are ever ready to 'bergotong-rotyong', i.e. to congregationally work hand-in-hand with its leaders in



▲ Tok Guru Nik Aziz Nik Mat officiating the "Auto Show Carnival" on 14th May 2010 in Kota Bharu

implementing small scale rural projects. It is pointed out that substantial amount of the small works have been carried out in this manner. Interestingly this approach not only saves cost, hence the state's coffers, but it also improves the follower-leader relationship even up to the grass-root levels.

Why such an approach, one might ask. To the spiritual leader his utmost primary concern is to be in complete conformity with the teachings of Islam and the Al-Mighty. When tabling the state's budget of 1991 on 11 December 1990, he banned all forms of gambling, declaring that gambling must not be solely viewed from the religious perspective alone, for the ills of gambling are but many — for one it 'leaks' the finances of the state and it is a futile counter-productive greed which subverts the usefulness of valuable resources.

If viewed from the economic perspective, there is no doubt that the banning of gambling then was indeed a radical yet very progressive move. To TGNA where gambling is concerned, it is obvious that before the fate of the gamblers is improved, it is the very luck of the gambling operators that has been guaranteed.

The move by the state government then, was a clear signal; in order to progress and attain prosperity; there it is no other alternative strategy except sheer hard work for all Kelantanese.

Over the years, many including ardent political opponents, silently though, hailed Kelantan's success in demonstrating to the country that a different version of leadership, one that is hinged on and radically driven by a spiritually-enriched philosophy has been laid. However, TGNA still has his concerns, though.

**"Let us begin with something that is free of charge and easy to perform, such as — beginning and ending a meeting with the doa, the prayer and recitation of related verses."**

It is not the ruthlessness of political opponents, — demonising his Islamic 'fanaticism', a very mean yet favourite onslaught especially during elections — by political opponents including the federal government, that worries him. To him there are other disturbing concerns — his mind, hence his focus is distracted from upholding Islam as it is busy with personal interest. According to him, many world leaders after years of being at the top and enjoying the juiciness of power, their attitudes and focus shifted to self-interest, the family and the cronies. In his opinion, to overcome that negative influence, one has to consistently perform the late night, wee-hour prayers and emulate the teachings of the Prophet pbuh.

It is not unusual for the Chief Minister, in almost all his speeches to deliberate at length, on the need for man to obey his Creator. To him a leader who defies his Creator is unable to properly fulfill his responsibilities to society and the country. And unfortunately in a secular environment where man is always seen as a separate entity from his Creator, the concept of total submission to the Al-Mighty is rather a foreign one.

In order to firmly reinforce and implement this very belief in his administration in Kelantan, TGNA introduced what is termed as UMI as the major pillars of his administrative policy — UMI, the acronym for 'Ubudiyah (Submission), Masuliyah (Responsibility to the Al-Mighty) and Itqan (Passion for Quality). Hence in Kelantan, it is not unusual to hear the concept of UMI being deliberated and explained over and over again to various strata of the state machinery.

What then — in a nutshell, are the reforms TGNA have introduced after being at the helm for the last twenty years in Kelantan?





▲ An evening in the backyard - contemplating while relaxing

Perhaps apart from the above, we may briefly sum them up in the following manner:

**One:**

To the Chief Minister, it is his duty to propagate a leadership that is answerable both in this present world and the Hereafter. To accomplish that mankind must strictly adhere to the Quranic teachings and that of the Sunnah (the teachings of Prophet Muhammad, pbuh)

**Two:**

Secondly, his Islamic administration must always be in compliance with its duties to the Al-Mighty beginning with the very basic, such as observance of the punctuality of prayer times to other complex earthly matters. For TGNA his constant reminder is: In terms of hierarchical priority, a man's duty is to diligently observe how he manages the well-being of the Hereafter, as it takes precedence over worldly matters.

**Three:**

To ensure the harmonious well-being of families, the number of working days has been reduced from six to five days, a move which was later, reluctantly emulated by the federal government.

**Four:**

Another example of his innovative leadership capability was the setting up of the Islamic pawning system, known as Ar-Rahn. This move has since been followed by the federal government.

**Five:**

Among his early move was banning gambling. The state government under his leadership has banned all forms of gambling outlets.

**Six:**

The state government has extended maternity leave from 40 days to 60 days. At present it is considering to further increase it to 90 days.

**Seven:**

Non-Muslim representatives were elected to sit in the various committees such as the District Council for all the districts. The purpose: To ensure that the voices of minorities are heard.

**Eight:**

The state took the initiative to rename a number of places of economic and cultural significance. The change may

# Menelusuri Perubahan di Kelantan

## (Sebuah Pengalaman Peribadi)

Oleh Izzah Jihadi



Diam tak diam rupa-rupanya Oktober yang datang ini menandakan genaplah 20 tahun rakyat Kelantan berada di bawah kepimpinan ulama. Tak terasa masa telah berlalu begitu lama. Entahlah, memang benar rasanya, dunia sudah di penghujung usia, sudah hampir akan musnah. Kiamat sudah hampir; antara tandanya, sebagaimana yang selalu dipesan oleh Tok Guruku, tempoh waktu dirasakan begitu pendek dan cepat. Setahun bagai sebulan, sebulan bagai seminggu, seminggu dirasakan sehari, sehari dirasakan bagai satu jam sahaja. Bahkan satu jam itu dirasakan bagai tempoh api yang nyala di hujung mancis. **Astagfirullah..** memang benar 'kan? Itu yang kita rasakan sekarang.

Tahun 1990 adalah tahun yang begitu bersejarah bagi rakyat Kelantan. Tepatnya 21 Oktober 1990, tarikh keramat itu, menjadi saksi penting bermulanya era kepimpinan ulama di Kelantan. Ia juga menjadi sejarah Malaysia, kerana satu-satunya negeri dalam Malaysia yang akan diterajui oleh pimpinan ulama. Jauh berbeza dengan pimpinan pusat yang sedia ada.

Waktu itu aku berada dalam tingkatan 1 di sebuah sekolah agama di Kota Bharu. Ia tahun kedua aku di sekolah itu, kerana tahun pertama dihabiskan untuk peringkat peralihan – satu proses wajib bagi kami untuk mengikuti pengajian di sekolah agama berprestij itu, yang menggunakan silius Universiti al-Azhar. Maknanya kenalah kami bersiap dengan asas bahasa Arab, supaya pengajian seterusnya dapat diikuti dengan mudah dan berkesan.

Seingat aku, pada masa itu, apa-apa perubahan politik yang berlaku tidak banyak mempengaruhi rutin harian kami. Namun aku berasa sangat bersyukur kerana terpilih menuntut ilmu di permukiman sekolah agama itu. Kebanyakan pengajarnya, dan senior-senior kami, adalah orang yang begitu cintakan Islam. Ia membantu memberikan kesedaran awal kepadaku dan kawan-kawan sebaya, untuk memahami apa itu Islam, apa itu pemerintahan Islam, apa perlunya kepimpinan Islam, dan apa itu tuntutan Islam. Kalau aku berada di sekolah lain mungkin semua itu tidak ada, 'kan?

Perubahan tampak kepimpinan pada masa itu, aku rasai secara biasa saja. Walaupun masih di bangku sekolah, seingat aku ada beberapa perkara yang begitu terkesan dengan perubahan itu. Takdir Ilahi, aku mengikuti aliran Perdagangan, yang bermakna aku dan kawan-kawan sealiran akan mempelajari banyak hal mengenai urusan perniagaan – dokumen-dokumen bank, promosi perniagaan, metod pengiklanan dan sebagainya. Jadi, antara tugas luar yang perlu kami buat adalah mendapatkan pelbagai dokumen berkaitan di bank, pejabat pos dan beberapa jabatan kerajaan. Apa yang nak disebut ialah aku dapat merasai perubahan dalam sistem perbankan di Kelantan.

Masa itu, perbankan yang ada hanyalah perbankan konvensional, kecuali Bank Islam sahaja satu-satunya perbankan Islam yang ada. Selepas akhir 1990 semakin banyaklah bank konvensional yang menawarkan 'Islamic window' di bank masing-masing. Awalnya aku tidak pasti apa sebabnya, tapi aku dapat merasakan suasana itu agak hangat, macam berlumba-lumba pula lagaknya.

appear too superficial to be of significance; however it has a rather significant cultural and psychological impact on the masses. Examples of such switch were the renaming of Pasar Buluh Kubu (literally: The Bamboo Fortress Market) to Pasar Siti Khadijah (literally: Siti Khadijah Market). Siti Khadijah, herself a very successful entrepreneur, was the first wife of the Prophet pbuh and Pantai Cinta Berahi (literally: Lustful Love Beach) to Pantai Cahaya Bulan (literal: Moon-Lit Beach)

Indeed the above are nice words for one of the many prominent leaders in Pas who has helped transformed the party to its present status today. Once upon a time, Pas was ridiculed and frowned upon as the voice of religious extremism, especially by political opponents.

And speaking of political opponents, here is something quite memorable from TGNA:

"May I inform you, brothers and sisters, since we took over this state in 1990 and till this day, the federal government has sent its troops called JPP, Jabatan Pembangunan Persekutuan (The Federal Development Department). We elect the head man, they (the federal government) elect a head man, we elect the village head, they elect a village head. We have a District Officer, they have a District Officer. We elect a Chief Minister, they elect a Chief Minister."

**Before, they accused us of having two imams (an iman is one who leads the congregational prayer). Now they doubled have everthing. Two head men, two village heads, two District Officers, two Chief Ministers. And millions have been spent on wages and these are but mere wastage of funds – accountable in this world and in the Hereafter..."**

government has sent its troops called JPP, Jabatan Pembangunan Persekutuan (The Federal Development Department). We elect the head man, they (the federal government) elect a head man, we elect the village head, they elect a village head. We have a District Officer, they have a District Officer. We elect a Chief Minister, they elect a Chief Minister.

Before, they accused us of having two imams (an iman is one who leads the congregational prayer). Now they doubled have everthing. Two head men, two village heads, two District Officers, two Chief Ministers. And millions have been spent on wages and these are but mere wastage of funds – accountable in this world and in the Hereafter..."

To many this is indeed the model – the first seedling of a spiritually-driven leadership philosophy for the future.

Source: Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam. Kelantan di Bawah Pimpinan Ulamak. 2000. Dinsman (peny). Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik.

Rupa-rupanya kepimpinan baru di Kelantan, yang dipimpin oleh seorang ulama, telah mengarahkan pihak kerajaan kerajaan negeri untuk mengeluarkan semua wang kerajaan dalam bank konvensional, dan dipindahkan kepada akaun perbankan Islam dengan serta merta! Maka berlumba-lumbalah pihak bank konvensional berjumpa dengan Menteri Besar sebuah negeri kecil itu, untuk memujuk supaya menarik balik arahannya, mungkin. Tapi Tuan Guru Menteri Besar tetap dan tegas dengan keputusannya, selaras dengan tuntutan Allah yang mengharamkan riba. Tuan Guru MB tidak mahu wang kerajaan yang diamanahkan kepadanya terlibat dengan riba walau satu sen. Tegas dan yakin! Mahu tidak mahu bank Islam tetap menjadi pilihan.

Memang hebat, 'kan? Sebuah kerajaan Islam peringkat negeri sahaja sudah mampu merubah landskap perbankan. Semudah itu rupanya. Tidak sepadan, jika banyak alasan diberikan sebelum itu, untuk tidak melaksanakan perbankan Islam di Malaysia. Tak ada pasaran lah, tak ada keuntungan lah, tak ada prospek lah, tak berdaya maju lah... alahai 1001 alasan. Tapi kenapa hanya dengan ketegasan seorang ulama bertubuh kecil itu, yang menjadi ketua sebuah kerajaan negeri yang kecil, mampu menukar alasan 'tidak boleh' menjadi 'boleh' dalam masa yang singkat sahaja?

Itu satu perubahan yang besar! Satu permulaan yang sangat baik!

Satu lagi perkara yang terkesan pada ingatanku mengenai perubahan drastik selepas 1990 ialah arahan larangan penjualan arak secara total kepada muslim dan umum. Hanya kelonggaran kecil, khas buat bukan muslim, di kawasan majoriti mereka sahaja. Itupun dalam bilangan yang kecil sahaja. Hebat 'kan? Kenapa hebat? Sebab benda semacam ini, negeri lain tak boleh buat. Malah Malaysia pun belum mampu buat. Tapi Kelantan mampu buat, dalam masa tak sampai setahun Islam memerintah. **Subhanallah!..**

Dan kalau berbicara mengenai memartabatkan maruah wanita, kepimpinan Tok Guru inilah yang begitu berani mengaplikasikannya. Bukan sekadar dengan laungan memperjuangkan hak dan maruah wanita, tapi kepimpinan kerajaan Islam Kelantan telah mengambil langkah proaktif sejak hampir 20 tahun dahulu lagi.



Perkara yang paling jelas dan nyata dapat dilihat dengan mata kasar ialah iklan yang melibatkan wanita sebagai model. Syarat yang dikenakan oleh Kelantan, yang visinya "Membangun Bersama Islam", adalah wanita dalam apa jua iklan hendaklah menutup aurat.

Aku masih ingat masa mula-mula diperkenalkan peraturan berkaitan menutup aurat wanita dalam iklan itu. Kelakar betul! Kenapa kelakar? Kerana sepanjang berulang alik ke sekolah yang terletak di tengah-tengah bandar Kota Bharu itu, banyaklah papan iklan (billboard) yang menggunakan model wanita untuk iklan, ku lihat berubah wajah. Mesti mana-mana wanita dalam iklan itu akan dipakaikan tudung warna putih. Kenapa putih?

Yang aku tahu, pihak PBT (pihak berkuasa tempatan) akan membuat khidmat percuma menutup rambut-rambut model iklan tersebut, dengan plastik berwarna putih, seolah-olah sehelai tudung menutup rambutnya.

Situasi itu kadang-kadang menimbulkan rasa lucu dan menjadi perbualan kami di atas bas. Rasanya tempoh bertudung putih itu tidak lama. Selepas itu iklan-iklan yang baru dinaikkan, sudah disiapkan dengan imej yang baru. Walaupun ada yang mengekalkan model yang sama, tapi penampilannya jauh berbeza. Lebih sopan, lebih manis, dan paling penting, modelnya menutup aurat. Alhamdulillah.

Tak lama lepas itu banyaklah papan iklan yang menggunakan model lelaki ataupun tak guna model langsung. Seingat aku, iklan Rejoice limau purut yang guna gambar artis Wardina itu iklan pertama wanita bertudung yang naik billboard di Kelantan. Cantik sangat! Selepas itu diikuti dengan macam-macam iklan. Boleh pula model wanita pakai tudung, 'kan! Laku juga produk. Tak semestinya kena model yang seksi, baru produk jadi laku, 'kan!

Nah, sekali lagi kepimpinan Islam Kelantan di bawah seorang tok guru yang zuhud itu telah membuktikan sesuatu yang besar. Paradigma telah diubah. Persepsi bahawa model seksi akan mlariskan produk telah menjadi suatu teori kuno dan tak relevan lagi. Masya Allah!

Suatu perkara yang aku dengar, dan aku perhatikan juga, adalah Tok Guru ini seorang yang begitu menghormati kaum wanita. Sebab itu kadang-kadang ada perkara yang berkaitan wanita, walau kecil pada pandangan orang tapi penting dan besar di matanya.

Walau dia seorang pemimpin sebuah kerajaan negeri, isu-isu kecil berkaitan rakyatnya bergelar kaum hawa amat dititikberatkan. Bukankah Rasulullah saw telah berwasiat dalam khutbah terakhirnya supaya berbuat baik dan menjaga kebijakan kaum wanita dengan sebaik-baiknya? Itulah sebenarnya yang Tok Guru buat. Dia mengambil itu sebagai tanggungjawabnya. Alhamdulillah. Mana ada pimpinan lain yang sebegini?

Kalau anda masih ingat, ada beberapa perkara yang disebut oleh Tok Guru berkaitan wanita. Antaranya, dia tak berapa galakkan wanita bekerja shif malam, tak galakkan wanita pakai gincu terang sehingga mengoda lelaki, dan dia galakkan majikan ambil wanita yang tak berapa cantik untuk bekerja, melarang persembahan oleh perempuan 12 tahun ke atas di tempat terbuka, pisahkan kaunter bayaran bagi lelaki dan wanita, dan banyak lagilah kalus nak cerita pasal pembaharuan, pendekatan baru, perubahan persepsi dan sebagainya dalam usaha berkaitan menambahkan kemuliaan taraf dan maruah kaum hawa ini, di Kelantan.

Di kalangan saf kepimpinan sekalipun, Tok Guru membuktikan memang dia menghormati wanita. Aku pernah mendengar khabar, kalau dalam mesyuarat, yang ada pimpinan muslimat sebagai ahli mesyuarat, pasti Tok Guru akan jadi orang pertama bertanyakan tentang makan minum untuk muslimat. Mungkin dia risau, kebijakan pimpinan muslimat tertinggal atau terabai. Begitu tinggi keprihatinannya terhadap golongan wanita, sebagaimana pesanan Rasulullah saw.





Macam tak percaya, 'kan!


Kini detik demi detik masa terus berlalu. Walau ramalan musuh yang ingin melihat Islam tidak memerintah mengatakan bahawa Kerajaan Islam Kelantan hanya mampu bertahan untuk 3 bulan sahaja, itu pun paling lama, mungkin kurang daripada itu... Kenapa meramalkan sedemikian kejam? Ia hanyalah kerana Kerajaan Islam Kelantan diperintah oleh seorang ulama bertubuh kecil, berserban dan berkain pelikat. Aduh... mana bisa memerintah sebuah negeri! Hanya selayaknya ustaz itu mengajar sahaja di sekolah, atau pondok, atau masjid, atau balaisah...

Itu ramalan mereka (yang berhati busuk dengan kemenangan Islam). Sedihnya, yang dengki melihat Islam memegang tampuk pemerintahan itu adalah mereka yang mengaku Islam, punya bin dan binti dalam kad pengenalamnya. Tapi itulah realiti tahun 1990 itu.

Diam tak diam, sekarang sudah menjangkau 20 tahun pemerintahan oleh ustaz bertubuh kecil itu. Masih dengan gaya serban putih dan baju melayu bersamping kain pelikat itulah, dia terus menjadi ketua pentadbir bagi negeri Kelantan ini. Takdirnya, bahawa pemimpin itu telah benar-benar melakar sejarah Malaysia, bahkan dunia seluruhnya. Bahawa Islam akan memerintah, Islam akan sesuai untuk diaplikasi dalam semua sudut. Betulkah begitu?

Ya, sekarang Kelantan di bawah kepimpinan ulama ini telah membuktikan semua itu boleh! Memang Islam boleh dan sesuai untuk semua. Untuk kesekian kalinya aku berasa amat bertuah dilahirkan sebagai anak jati Kelantan. Syukur ya Allah!

Sekali lagi aku berasa syukur dan amat bertuah kerana sempat berada dalam lembayung pemerintahan ulama zuhud pewaris anbiya' ini. Syukur juga kerana terpilih untuk sama-sama menyumbang bakti dalam membantunya merealisasikan Kelantan Membangun Bersama Islam, dan Islam Memimpin Perubahan. Alhamdulillah, terima kasih ya Allah.



**SALEM AZIZ**  
TEXTILES SDN. BHD.

# JUALAN MURAH SEMPENA CUTI SEKOLAH

*Ingat kain, ingat Salem Aziz Textiles*



SALEM AZIZ TEXTILES SDN BHD, Lot 2638-2639, Kompleks Niaga Wakaf Che Yeh, Jalan Kuala Krai,

15100 Kota Bharu, Kelantan. Tel : 09-7419369 Faks : 09-7419368

CAWANGAN 1: TANAH MERAH 09-9951369 CAWANGAN 2: KUALA TERENGGANU 09-6261369

CAWANGAN 3: KUBANG KERIAN 09-7603369



# PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAH

*bersama Pegawai Kewangan Negeri*

Oleh Salma Husain

Sewaktu kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah mula mentadbir Kelantan setelah diberi mandat oleh rakyat pada Oktober 1990, kerajaan negeri di bawah pimpinan Menteri Besar Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat sering menerima ejekan. Kononnya ia hanya akan mampu bertahan selama tiga bulan sahaja, kerana tiada sumber kewangan untuk membayar gaji kakitangannya.

Namun apa yang berlaku, bukan hanya tiga bulan malah kini telah mencecah 20 tahun, kerajaan Kelantan masih kekal di bawah pentadbiran yang diterajui oleh Tok Guru Nik Aziz. Antara faktor yang menyebabkannya kekal unggul malah mampu pula melaksanakan pembangunan dan kebijakan untuk rakyatnya tahun demi tahun, ialah pengurusan kewangannya yang berhemah.

"Bajet yang berhemah, dimana perbelanjaannya bersesuaian dengan kemampuan, di samping dapat dimanfaatkan dengan baik oleh rakyat, menjadi kunci utama dalam berbelanja."

Majalah QIADAH sempat menyorot pandangan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan, Dato' Hj Mohd Faudzi Haji Che Mamat, berhubung perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri khususnya dalam soal pembangunan.

"Bersesuaian dengan dasar kerajaan negeri Membangun Bersama Islam, dengan ciri-ciri ubudiyah, mas'uliyah dan itqan itu," katanya, "kerajaan negeri juga menguruskan sumber kewangannya menurut dasar yang dikehendaki Islam."

Jelasnya lagi, "Biarpun hasil pendapatan kita tidak begitu besar, namun dapat melaksanakan keperluan rakyat dengan sebaik mungkin. Ini kerana dasar Islam yang diterapkan ke dalam pentadbiran, iaitu membelanjakan pada yang perlu, tidak terlalu boros dan tidak pula kedekut."

Sesuai dengan dasar tersebut misalnya digunakan juga pendekatan gotong-royong dalam melaksanakan projek-projek tertentu. "Bila cara ini dilakukan," kata Dato' Hj Mohd Faudzi, "projek yang sepatutnya bernilai RM500 ribu tidak akan menjadi RM1 juta, sebagaimana yang lazim berlaku di negeri-negeri lain atau di peringkat persekutuan."

Kerajaan Negeri juga mengutamakan syarikat atau anak syarikat miliknya sendiri, seperti PKINK (Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan), PMBK (Perbadanan Menteri Besar Kelantan) dan sebagainya, dalam melaksanakan projek-projek pembangunannya. Dengan cara ini tentunya pihak kerajaan negeri dapat mengawal perbelanjaan yang dikeluarkan.

Hasil perbelanjaan berhemah dan berjimat cermat itu, kerajaan negeri dapatlah pula berbelanja untuk keperluan dan kepentingan rakyat, seperti membantu golongan armalah dan anak yatim, serta mendirikan Rumah Dhuafa' untuk golongan dhaif.



Rumah Dhuafa' yang diperkenalkan sejak 2006 itu menjadi sebutan pelbagai lapisan masyarakat kerana ia berjaya menyelesaikan masalah mereka yang tidak mempunyai kediaman yang selesa untuk didiami bersama keluarga. Dengan kos RM28,000 sebuah rumah yang mempunyai tiga bilik, ia sedikit sebanyak berjaya meringankan beban mereka yang dhaif.

Rumah Dhuafa' dibina sebanyak dua buah bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh Kelantan, setahun. "Dengan harga RM28,000 kita nak beli dari syarikat swasta memang tidak dapatlah. Apalagi dengan kos pembinaan yang begitu tinggi sekarang," ujar Faudzi.

Bagi memenuhi keperluan masyarakat berpendapatan rendah juga, kerajaan negeri memperkenalkan konsep rumah mampu milik, yang dikendalikan oleh anak syarikat kerajaan negeri. Projek ini adalah untuk rakyat yang berpendapatan rendah.

Menurut Faudzi, dasar berjimat cermat oleh kerajaan negeri itu belum mencukupi dalam mengurus ekonomi, sekiranya ia tidak dibantu oleh para pegawai yang amanah, dan wakil-wakil rakyat yang patuh pada prosedur kewangan.

"Sikap telus serta amanah para pegawai kerajaan, termasuk wakil-wakil rakyat, akan melahirkan sebuah kerajaan bersih, beramanah serta dipercayai rakyat di semua peringkat," katanya.

Bagi memperjelaskan perkara itu, Faudzi pernah menganjurkan taklimat kepada para pegawai kerajaan negeri termasuk wakil-wakil rakyat, pihak kerajaan dan juga pembangkang, agar mereka memahami tanggungjawab masing-masing terhadap amanah yang diberikan oleh rakyat dan kerajaan.

"Dengan cara ini," katanya, "bila semuanya telus dalam melaksanakan tanggungjawab, tidak timbulah lagi isu-isu negatif seperti rasuah, penyelewengan, penipuan dan salah laku."

Biarpun baru dilantik sebagai Pegawai Kewangan Negeri, Faudzi mempunyai caranya yang tersendiri dalam menguruskan dana kerajaan. Menurutnya, setiap pegawai dalam agensi kerajaan boleh



Dato' Hj Mohd Faudzi sempat meluangkan masa bersama krew Qiadah di pejabatnya

"Tetapi ia berbeza dengan agensi kerajaan negeri yang lain seperti PKINK, PMBK dan MPKB-BRI (Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam) dimana kewangannya diuruskan sendiri oleh pihak mereka," katanya.

Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM60 juta kepada YIK setiap tahun, untuk perbelanjaan yayasan itu khasnya di bidang pendidikan. Bagaimanapun, memandangkan YIK memerlukan kewangan yang besar untuk perbelanjaan pendidikan, kerajaan negeri juga memberi ruang dan peluang agar YIK juga dapat mengusahakan punca kewangan sendiri.


Memang hasrat kerajaan seboleh mungkin supaya jabatan atau agensinya tidak mengharapkan sumbangan kerajaan negeri sepenuhnya. Sebagai contoh, Majlis Daerah di seluruh Kelantan sebelum ini mendapat agihan kewangan daripada kerajaan negeri, tetapi kini mereka boleh mencari dana sendiri.

"Usaha bersungguh-sungguh pihak berkuasa tempatan (PBT), kini mereka semakin maju dan mempunyai dana sendiri, sehingga mampu berdikari," jelas Faudzi. Bagaimanapun, menurutnya kerajaan negeri tetap membantu pihak PBT, agensi dan jabatan-jabatan ini sekadar yang perlu, kerana ia menjadi tanggungjawab kerajaan negeri.

Menyentuh tentang hutang yang masih dibayar oleh Kerajaan Negeri Kelantan kepada Kerajaan Persekutuan, hasil peninggalan kerajaan BN lebih 20 tahun lalu, yang melibatkan lebih RM700 juta, beliau memberitahu ia sudah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk melunaskannya. Jumlah yang dibayar pada setiap tahun tidaklah menentu, kerana ia bergantung pada penjadualan yang dibuat oleh kerajaan negeri mengikut kemampuannya.

"Alhamdulillah, apa yang saya tengok kerajaan pusat tidak menekan dalam perkara ini; maknanya mereka tidak tentukan berapa jumlah yang perlu dibayar oleh kerajaan negeri. Ada kalanya mencapai RM20 juta setahun," ujarnya.

*Dato' Hj Mohd Faudzi Haji Che Mamat dilahirkan pada tahun 1957, di Kubang Kerian, Kelantan. Sebelum dilantik menjadi Pegawai Kewangan Negeri, 28 Mei 2009, beliau adalah Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandaraya Islam. Sebelum itu, beliau pernah diamanahkan sebagai Ketua Jajahan di Tanah Merah, Pasir Mas, dan Bachok.*



Sebagai contoh, katanya, kerajaan negeri menyatakan sebanyak RM100,000 kepada satu-satu agensi, mungkin bulan Februari belum berakhir peruntukan tersebut telah habis. Namun dengan kawalan ini, hanya sebanyak RM25,000 sahaja mereka dapat belanjakan peruntukan tersebut, dan akan diteruskan pada bulan-bulan seterusnya.

Beliau melahirkan rasa syukur kerana syarat-syarat tersebut dipatuhi oleh semua agensi dan jabatan kerajaan negeri, hasil semakan yang dilakukan oleh pihaknya.

Mengenai agensi dan jabatan kerajaan negeri, Faudzi memberitahu bahawa Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) adalah antara agensi yang mendapat agihan peruntukan khas daripada dana kerajaan negeri.



# Tok Guru Haji Lah Lubuk Tapah

## *Keilmuan dan kewarakan terpancar di raut wajahnya*

Oleh Mohd Fadli Ghani

PONDOK LUBUK TAPAH, PASIR MAS  
Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas merupakan Pusat Pengajian Islam Madrasah Ar-Rahmaniyyah atau Pondok Lubuk Tapah, yang diasaskan pada tahun 1931. Di pondok inilah lahirnya Tuan Guru Haji Abdullah bin Abdul Rahman atau lebih terkenal dengan gelaran Tok Guru Haji Lah Lubuk Tapah, pada 11 Februari 1933 iaitu dua tahun selepas pondok itu ditubuhkan.

Ayahanda bin Hj. Ab. Rahman sebagai Guru dan Mudir di Pondok Lubuk Tapah ini sehingga sekarang (2005). Tuan Guru Hj. Ab. Rahman Ayahanda beliau seorang guru dan pelajar dan seluruh Nusantara yang memondok disini. Pada kegemilangannya pada tahun 1960an terdapat seramai 150 pelajar dan seluruh Nusantara yang memondok disini. Pada masa pengajian terdapat ratusan lagi pelajar yang berulang alik Pondok ini juga telah melahirkan ramai ulim ulama yang datang dari seluruh Nusantara.

### PONDOK LUBUK TAPAH, PASIR MAS

Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas is one of the well-known 'pondok' religious schools in Kelantan. It was found by the late Tuan Guru Hj. Ab. Rahman bin Hj. Che Wan as early as 1931. In 1967, his son, Tuan Guru Hj. Abdullah bin Hj. Ab.Rahman took his place as the head teacher in the school or 'Mudir'. The school is still opened until now despite the death of Tuan Guru Hj. Ab. Rahman bin Hj. Che Wan in 1988. The Pondok is located on a 6-acre piece of land and has hosted many Islamic scholars to the region.

MALAYSIA

Kemasyhuran Kampung Lubuk Tapah, Pasir Mas, sering dikaitkan dengan kemasyhuran pusat pengajian Islam Madrasah Ar-Rahmaniyyah atau Pondok Lubuk Tapah, yang diasaskan pada tahun 1931. Di pondok inilah lahirnya Tuan Guru Haji Abdullah bin Abdul Rahman atau lebih terkenal dengan gelaran Tok Guru Haji Lah Lubuk Tapah, pada 11 Februari 1933 iaitu dua tahun selepas pondok itu ditubuhkan.

Pengasas pondok itu, Tuan Guru Haji Abdul Rahman Che Wan (1905-1989) adalah murid Tok Kenali. Beliau seorang guru pondok yang termasyhur di Pasir Mas. Legasinya diwarisi pula oleh anak kesayangannya Tok Guru Haji Lah yang meneruskan perjuangan bapanya untuk mengembangkan keilmuan Islam di bumi Serambi Mekah.

Tok Guru Haji Lah melalui usia remajanya dengan didikan ayahandanya sendiri di Pondok Lubuk Tapah sehingga usianya mencecah 20 tahun. Walaupun telah alim di bawah didikan ayahandanya, Tok Guru Haji Lah atau Abdullah pada ketika itu merasakan tidak memadai baginya mendalami ilmu agama tanpa mendapat sentuhan guru-guru di Mekah. Pada tahun 1953 beliau belayar ke Mekah dan seterusnya menuntut di sana selama 14 tahun.

Sepanjang berada di Mekah, Abdullah sangat dihormati kerana komitmennya menghadiri halaqat-halaqat pengajian, dan dikhabarkan sepanjang 14 tahun itu beliau hanya bercuti sebanyak tiga hari sahaja kerana demam. Sebagai simbol kesungguhannya belajar, beliau sentiasa berada di saf hadapan dalam setiap halaqat pengajian dan beliau tidak pernah tidur pada waktu siang semata-mata untuk memastikan agar tidak tercincir daripada kelas pengajiannya.

Sepanjang 14 tahun tersebut, Abdullah mendapat sentuhan hampir 20 orang guru termasuk guru-guru berbangsa Arab. Antara gurunya yang termasyhur ialah Pak Da Eil Al-Fathani (Sheikh Wan Ismail Abdul Qadir) iaitu sepupu kepada Sheikh Wan Ahmad Al-Fathani. Guru lain yang terkenal yang turut 'ditadahai' ialah Sheikh Abdul Qadir Abdul Mutallib Al-Mandili, Sheikh Muhammad Yassin Isa Al-Fadani, Sheikh Muhammad Daud Sulaiman al-Kalantani (mertua Tuan Guru Haji Abdul Rahman Sungai Durian), Sheikh Mokhtar Afnan, Sheikh Soleh Idris Al-Kalantani, Sheikh Engku Abdul Jalil Al-Indonisi, Sheikh Soleh Saika, Sheikh Sulaiman Ambon Al-Indonisi dan Sheikh Zakaria Al-Indonisi.

Hampir seluruh guru Melayu yang terkenal di Mekah telah dikunjungi oleh Abdullah, termasuk pengajian seorang sama seorang dengan Sheikh Pak Da Eil selama lima tahun sehingga gurunya itu meninggal dunia. Abdullah diberi penghormatan mengurus dan memandikan jenazah gurunya itu.

Selain ulama Melayu, Abdullah juga meluaskan ilmunya dengan menghadiri kuliah-kuliah ulama Arab yang masyhur ketika itu seperti Sheikh Hassan Muhammad Masyyat, Sheikh Sayyid Alawi Abbas, Sheikh Arabi Idris Al-Maghribi, Sheikh Mohammad Noor Al-Bahraini, Sheikh Abdullah Al-Lahhaji, Sheikh Muhammad Amin, dan juga Sheikh Sayyid Al-Yamani. Dengan senarai guru-gurunya yang terkenal ini maka tidak hairanlah Abdullah muncul sebagai ulama jempolan di Kelantan selepas kepulangannya pada 1966.

Sebenarnya, dengan ilmu di dadanya selepas lima tahun berguru di Mekah, para ulama Mekah mula mengiktiraf kealimannya dan memberi kebenaran kepada untuk mengajar di Masjidil Haram. Beliau mengajar di sana selama sembilan tahun sejak tahun 1958, di samping turut menjadi pelajar kepada guru-guru yang masyhur.

Sepanjang mengajar di Mekah, beberapa ulama Kelantan yang terkenal turut menjadi muridnya, termasuklah Dato' Hasbullah Mohd Hassan, Mufti Kerajaan Kelantan, dan bekas Adun PAS Bukit Tuku (1990-1995), Tuan Guru Haji Hussin Ibrahim, yang juga sepupunya. Ulama lain yang turut belajar dengan beliau di Mekah ialah Ustaz Nik Mustafa Nik Abdul Rahman, Ustaz Wan Hassan Mentuan, Baba Sya'ri Tong Al-Fathani dan Baba Abdul Rahman Penarik Al-Fathani.

Selepas sembilan tahun menjadi guru di Masjidil Haram, Abdullah kembali ke Lubuk Tapah dan mula membantu ayahandanya mengajar di pondok tersebut. Cerita tentang keilmuan Abdullah tersebar dengan cepat di Kelantan. Hal ini bukan sahaja menarik perhatian murid-murid untuk belajar di sana, tetapi juga perhatian para ulama Kelantan. Pada tahun 1969 Abdullah dilantik sebagai anggota Jamaah Ulama Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), satu jawatan yang dipegang olehnya sehingga akhir hayatnya.

Satu faktor yang mengangkat namanya, selain pernah mengajar di Masjidil Haram dan menjadi guru di Pondok Lubuk Tapah ialah dua karya yang ditulisnya pada akhir 1960-an, iaitu Risalah Doa-doa (1965) dan Persediaan Bagi Sekalian Mukallaf (1967). Risalah Doa-doa yang ditulis di Mekah mengandungi kumpulan doa-doa yang menjadi amalan harian umat Islam, manakala Persediaan Bagi Sekalian Mukallaf yang ditulis di Kelantan pula membicarakan ilmu Tauhid dan huraian tentang hakikat mustahil serta himpunan beberapa doa tambahan. Walaupun kedua-dua risalah ini tidak membincangkan tajuk-tajuk yang berat, tetapi ia amat berguna kepada umat Islam khususnya masyarakat awam.





Selain mengajar agama di Pondok Lubuk Tapah, Tok Guru Haji Lah juga terkenal kerana sifatnya yang suka mengambil berat masalah rakyat dan isu-isu masyarakat. Adalah kebiasaan baginya dikunjungi oleh penduduk sekitar Pasir Mas yang menghadapi pelbagai masalah, termasuk mendapatkan rawatan secara Islam.

Di samping itu masalah pembangunan masyarakat sekitar juga turut dititikberatkan olehnya. Antara jasa beliau yang penting ialah pembinaan empat buah jambatan yang menghubungkan Lubuk Tapah dengan jalan utama di Kampung Kekabu dan Kampung Johol. Beliau juga pernah mengusahakan penubuhan Tadika Islam di Lubuk Tapah, selain membantu penduduk mendapatkan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air bersih dan elektrik.

Di samping rapat dengan rakyat, Tok Guru Haji Lah juga mempunyai hubungan yang rapat dengan para pemimpin, termasuk Baginda Sultan Kelantan dan Tengku Mahkota Kelantan. Sultan Kelantan sendiri pernah beberapa kali mengadakan kunjungan ke Pondok Lubuk Tapah, di samping anakanda Baginda.

Turut mempunyai hubungan rapat dengan beliau ialah Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang kerap kali menjadikan beliau sebagai rujukan dalam pelbagai isu.

Kerana kemasyhurannya juga, Pondok Lubuk Tapah turut dikunjungi oleh para pemimpin dan ulama seperti Datuk Seri Anwar Ibrahim (bekas Timbalan Perdana Menteri), Prof Dr Syed Mohamad Alawi dari Arab Saudi, Sheikh Habib Umar dari Yaman, Sheikh Nuruddin Al-Banjari Al-Makki dari Indonesia, dan Prof Emeritus Dato' Dr Osman Bakar (bekas Setiausaha Agung ABIM dan Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya). Pada 28 Mac 2005, beliau telah dikunjungi oleh 30 orang ulama dari beberapa negara Nusantara.

Keilmuan dan kewarakan Tok Guru Haji Lah terpancar dari raut wajahnya bagi sesiapa yang pernah bersempadan dengannya. Berkat kesungguhannya, mulai tahun 1989 iaitu selepas kematian almarhum ayahandanya (Tuan Guru Haji Abdul Rahman), Tok Guru Haji Lah telah mengetuai Pondok Lubuk Tapah sebagai Mudir. Ketika Kerajaan Kelantan menubuahkan Pusat Pembangunan Pondok Berhad, sebuah badan yang dianggotai oleh pondok-pondok di Kelantan, Tok Guru Haji Lah dilantik pula sebagai Timbalan Pengurus 1 pusat tersebut.



Jenazah Allahyarham Tok Guru Hj Lah diiringi ke persematiannya, 19 Mac 2008

Kemuncak penghormatan rakyat kepadanya ialah apabila beliau sering digandingkan dengan Menteri Besar Kelantan dalam majlis-majlis munajat kepada Allah S.W.T. Beliau sering kali mengetuai solat hajat, solat istisqa' dan juga munajat yang lain bagi memohon kerahmatan Alah SWT ke atas Negeri Kelantan.

Tok Guru Haji Lah juga adalah menantu kepada Tuan Guru Haji Abdul Ghani Kubang Bembang, seorang ulama yang masyhur di Kelantan yang juga rakan karib ayahandanya. Tuan Guru Haji Abdul Ghani adalah bekas anggota Jamaah Ulama MAIK, dan pernah menjadi Yang Dipertua PAS Pasir Mas.

Dengan isterinya Hajah Kamariah Abdul Ghani, Tok Guru Haji Lah telah dikurniakan lima orang anak, iaitu Hajah Nafisah (guru Maahad Muhammadi Perempuan), Dr Haji Lukman (Pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya), Hajah Nasimah (Pensyarah Kolej Universiti Islam Selangor - KUIS), Hajah Nabilah (pelajar PhD di Universiti Malaya) dan Haji Hamdan (pelajar Sarjana di Universiti Islam Antarabangsa). Dengan sebaris anak-anak yang berjaya ini ternyata Tok Guru Haji Lah adalah insan mithali yang patut diikuti oleh umat Islam di negara ini.

Kejayaan Tok Guru Haji Lah menggembung kebangkitan umat melalui institusi pondoknya, kegiatan dakwah, kepemimpinan dan juga membangunkan sebuah keluarga yang berjaya, telah mendapat pengiktirafan kerajaan apabila beliau dinamakan sebagai Tokoh Maal Hijrah Negeri Kelantan 1426, pada 9 Februari 2005.

Tiga tahun selepas menerima anugerah ini, Tok Guru Haji Lah jatuh sakit. Kezuruan beliau telah mendapat perhatian rakyat Kelantan yang cintakan alim ulama. Walau bagaimanapun, selepas beberapa bulan terlantar di rumahnya, Tok Guru Haji Lah telah dijemput mengadap kekasihnya, Tuhan Rabbul Jalil pada 19 Mac 2008, di Pondok Lubuk Tapah. Ini sekaligus menamatkan perjuangan dakwahnya selama lebih 50 tahun.



# The Relantanese Kite:

## Art of craftsmanship or heritage?

by Kassim Muhamad


Kite? Yes, "It's a light frame covered with paper or other material, and with string attached, for flying in the air." Perhaps since ancient times, kids all over this planet have been doing it: Flying kites. Actually that's not a big deal; the child needs only a paper covered light frame with a string attached and a friendly breeze to fly his favourite toy.



In rural Malay kampongs, empty dried up and cracked vertisol laden paddy fields, a common phenomenon after harvest, are the right sites for flying one's kite. And Kelantan, just like other rural Malaysia, is pretty rich in these natural elements.

Over the years, like 'bermain gasing', the Malay phrase for top spinning, kite flying has evolved from what used to be kid's stuff to the game of adults. With such a transformation, it is not difficult to figure out why kite making in itself has also virtually 'frolicked' from a kid's stuff to the work of the enriched skill in fine art and aerodynamics of that of an adult.

Yes, indeed it is not 'appropriate' for a full blown grown up to run around with the breeze in the flat open scenic landscape alone. Slowly yet surely an adult has to value add his game with that pinch of fine art and a touch of culture. As a prerequisite, an adult's kite has to be air worthy lest it would not be able to leave ground or worse, it might torpedo head on, ground wards. In other words, the adult has to tackle the tricky part of aerodynamics and mechanics of kite making, before embarking on to his creative fine art aspect of it.



With that in perspective, one is therefore inclined to see a seasoned traditional kite maker as a fine art artist with a polished taste for aerodynamics, a two in one sort of specialty.

In Kelantan, the kite making culture has produced various types of kites. Some of the examples are: Wau bulan, wau puyuh, wau kucing, wau jala budi, wau daun, wau merak, wau bintulu, wau tukung, wau ular dan wau rakaku. Please note that 'wau' is Malay for kite, with 'layang-layang' as its equivalent.

Even though popular in Kelantan, kite making though is not exclusively confined to Kelantan alone. Other states in Malaysia too do have their versions or 'brands', for example wau helang (Perlis), wau pungguk (Terengganu), wau kekek and wau bugis (Johor and Sabah), wau bawal (Melaka), wau merak (Negeri Sembilan).




## Meet Shafie Jusoh

### - the kite making expert of Kampong Badang

Shafie Jusoh, 62 of Kampong Badang, a traditional village on the road leading to Pantai Cahaya Bulan, PCB is an officially recognised kite making expert craftsman or the 'adiguru', as it known by the Ministry of Culture, Fine Arts and Heritage, Malaysia. In fact the ministry has its own list of craftsmen, the adiguru in various fields of fine art experts including that of kite making.

Qiadah had the opportunity to visit Shafie, more fondly referred to as Pak Ein at his workshop which is also in Kampong Badang. According to Pak Ein for the design of his artwork which he used to decorate his master pieces, the motives are basically nature based for example leaves of legumes and pumpkin.



"How much would a wau bulan cost?" Our lady photographer was keen to know.

"One loyal fan, a Korean paid RM 18,000.00 for a 6 ft by 4 ft award-winning wau bulan." To me his full bloomed smile could not be concealed.

### The art of kite making

According to Pak Ein, for a kite to be flight worthy, firstly it has to be aerodynamically sound i.e. all its structural components especially that neatly knifed trimmed bamboo frames are to be properly measured, 'weighed' and balanced. For Pak Ein a 'simple' kite would take a week to complete. Of course the intricate and daunting task of kite making would be longer, the larger the size and the more complex is its design. For Pak Ein, bigger kites would take a month to complete.

For this traditional expert, not all materials for making his kites are available locally. True enough, readily available and in abundance, he has no problem finding bamboo for the frame and mengkuang or rumbia palm leaf for creating the 'dengung' (that high-pitched melodious 'wau-wau' tune created by the stretched mengkuang or rumbia palm leaf while the kite is in the air). To achieve that condition, the palm leaf has to be in tension and is therefore stretched, end to end across its wing span.

Of course in order to fly his master piece, Pak Ein needs 4 to 5 kilograms of threads, which according to him is normally ordered from Japan. Other materials include multi-coloured paper and of course sufficient amount glue to 'dress up' his bamboo frame.

Having seen the tedious task of kite making, one of our colleagues wondered, "What if the kite fails to fly?"

"It cheers up the wall. It's colorful and attractive"

Yes, the next occasion you are in Kelantan, do think of brightening up your main hall with wau bulan.





# PANTAI SRI TUJOH: TRULY GLOWING

by Kassim Muhamad

If you are very keen to watch and sip the beauty of the horizon and its surrounding skylines immediately before sunset and sunrise, perhaps you may want to consider in your next trip, Pantai Sri Tujoh, (literal for Glow of the Seven Beaches), Tumpat, which is 27 kilometres away from the capital Kota Bharu, Kelantan.



To have an idea on the area, you may want to surf the official website of the District Council of Tumpat, MDT (<http://www.mdtumpat.gov.my>). There the website speaks of a 'beautiful and tranquil beach, originally formed from seven lagoons'. In terms of locality, Pantai Sri Tujoh beach is in close proximity with Malaysia's northern neighbour Thailand, and is in a village known as Kampung Tujoh, Tumpat. There is no doubt that the presence of the seven lagoons has long been very significant for this area of Tumpat.

Our team had the opportunity to appreciate a sunrise from one of the chalets fronting the lagoon. Having been displayed such a panoramic view by nature, one may try to recollect, assemble, and place all the appropriate adjectives that one may be able to think of in order to describe its beauty and tranquillity. What a magnificent panorama it was!

For your complete family outing a coastal resort Pantai Seri Tujoh Resort which is managed by the MDT is ready to serve you and your family. On the 18.8-acre resort, the MDT has provided a host of amenities for the comfort of its patrons. Firstly there are 61 units of chalets for you to pick and choose from.

If you happen to land in one of those fronting the lagoon, do enjoy nature and its beauty, or perhaps just drop a hook and line in order to resharpen your patience.

Maybe you rather prefer to just laze around on the veranda and observe the activities of the local traditional fishermen moving around in the lagoons.

To cater for outdoor activities, the MDT has also provided facilities such as the children's playground, a swimming pool, a floating restaurant, a beach soccer field, camping sites, sites for expositions and also a driving range for golfers.


Apart from the above, other facilities provided by the MDT include a mosque, a multipurpose hall and hostels for the public. For your meals there are a number of stalls available for you and family to satisfy your appetite. For your stay at Pantai Sri Tujoh to be more memorable and meaningful, perhaps there are other attractions which you may want to include in your itinerary.

For us we find that the town of Tumpat has other interesting sites that are worth visiting. Top of the list is definitely the various statues of Buddha in quite a number of Buddhist temples; the most famous of which is of course the gigantic image of reclining Buddha in Kampung Jambu, Tumpat.

It is still better if you plan your stay in Pantai Sri Tujoh to fall during the International Kite Festival which has long been an important event in the State of Kelantan calendar of events. Hence to avoid disappointment, you are advised to book your accommodation early.

Last but not least, for the environmentalists and lovers of nature alike, particularly all the mangrove (bakau) enthusiasts, you may want to visit the near by mangrove planting project which is managed by Forestry Department. It is said that the Kelantan River Delta, with its 48 islands and an area of 1.252 hectares is very conducive for such bakau planting project.





Indeed the tsunami that hit Aceh and the Kuala Muda area in Kedah and Penang a few years back, had taught mankind including of course Malaysians, a very valuable lesson. Mangrove as part of nature feeds and protects mankind hence must be genuinely respected.



Kifaalah Sdn.Bhd turut menyediakan perkhimatan insurans/takaful bagi operator Takaful Malaysia dan Takaful Ikhlas. Kunjungilah kami, anda pasti lebih selesa berurusan dengan kami.

#### PERNIAGAAN TAKAFUL AM

- |                               |  |
|-------------------------------|--|
| Skim-skim Takaful Kebakaran   | Skim Takaful Jemaah Haji                           |
| Skim takaful Kenderaan Berjin | Skim Takaful Pampasan Pekerja Asing                |
| Skim-skim Takaful Tanggungan  | Skim Takaful Kemalangan Diri                       |
| Skim Takaful Marin            | Skim Takaful Pemilik Rumah dan Isi Kandungan rumah |
| Skim-skim Takaful kemalangan  |  |

#### PERNIAGAAN TAKAFUL KELUARGA

- Pelan Takaful Keluarga Berkelompok( PTKB)
- Pelan Takaful Perubatan Berkelompok
- Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi insurans kenderaan berjin:

  - 1) Salinan geran
  - 2) Polisi asal/notis pembaharuan (untuk pemindahan NCD).



Pendaftaran Skim Takaful Kifaalah Warga Emas adalah di buka sepanjang tahun, semakan ahli boleh dibuat melalui laman web

[www.kifaalah.com.my](http://www.kifaalah.com.my)

"Apabila matinya seseorang anak Adam itu maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu SEDEKAH JARIAH, ILMU YANG DIMANFAATKANNYA & ANAK YANG SOLEH yang sentiasa mendoakan kepada kedua ibubapanya." (Hadis Riwayat Muslim)

**KIFAALAH SDN BHD**  
LOT 5393-E, JALAN TELIPOT, 15050 KOTA BHARU, KELANTAN  
TEL: 09-747 6336 FAKS: 09-747 6226

# TEPUNG PELITA

## Hijau Putih Kias Beralas

Oleh Zanazanzaly

Tepung pelita - gabung jalin nama kuih tradisional Kelantan ini membawa metafora yang merangsang minda untuk mengkaji apa yang ada di sebalik keunikan gelarnya.

Ia sejenis kuih lembut yang sekata rasa lemak, masin dan manis; amat cantik bersegi empat tepat, hasil bentukan acuan daun pisang. Kuih popular dari Pantai Timur ini terdiri daripada dua lapisan; santan putih di atas, juga dikenali sebagai 'kepala', manakala lapisan kedua di bawahnya berwarna hijau muda.

Rupa dan rasa kuih mudah bikin ini membawa mesej mendalam tentang perkataan 'tepung' yang bersifat serbuk atau debu boleh dimakan, diganding bersama kalimat 'pelita' (bukan makanan yang bersifat konkrit, punca

cahaya), adalah gaya bahasa orang Melayu dulu-dulu mendidik anak bangsa secara halus dan berkesan perihal keagamaan, sewaktu makan secara santai sambil berbual mesra bersama kaum keluarga, handai taulan serta jiran tetangga.

Resam anak muda sejak purba kala tidak suka jika mereka kedengaran seperti "diajar", kerana ego menebeng diri daripada berasa digurui seseorang yang lain sehingga kelihatan tidak punya kecerdikan sendiri.

Indah berseni nenek moyang kita mengkiaskan keabdian hamba kepada kemahaan Pencipta, dengan metaforika bancuhan secawan tepung beras bercampur dua setengah cawan santan pekat dan secubit garam.

Rona putih bersih tepung beras, santan serta garam menggarisbawahkan perlambangan kesucian agama Islam yang tidak sesekali boleh dititiknодakan bendasing lain. Cukuplah ia melengkapi pengenalan rasa masin garam sebagai saripati fana dalam "zauk" tauhid Uluhuiyyah dan Rububiyyah makhluk memakrifahkan Khaliknya. Bukankah apabila sesuatu yang sebegini jelira itu akan dikatakan orang "emmm cukup lemak masinnya"?

Setelah mata mengenali jilah putih dan lidah merasai masin, baki tepung beras dibancuh pula dengan air panas. Perlahan-lahan sambil mengacau sebatian, siraman setengah cawan jus pandan dijirus sebagai pembangkit aura hijau segar mewangi. Nah, inilah masanya sebatian putih tepung (abstrak), santan (cecair) dan garam (pepejal) ghaib dalam serapan sebatian hijau secara seluruh. Menyerlah di mata hijau warna dan semerbak bau mendodoi deria hidu.



Itulah alas hakikat amal yang ikhlas dibuat. Tidak perlu diperendeng apatah lagi disukat. Wajar dihijabi malu yang menghijau segar justeru malu juga nisfu iman.

Oleh yang demikian, kuih ini serasi ditakungi acuan yang diperbuat daripada daun pisang dilipat empat segi tepat, bersemat lidi rencung hujung, untuk mengemaskan cantuman sisi seperti berlingkung rapi aqidah dan amal dek syariat, barulah ibadat beroleh berkat.

Selesai melipat acuan, dipanaskan pula lima cawan air dalam kukusan. Apabila air mendidih, sesudu teh gula ditabur ke dalam setiap takung susunan acuan atas dulang dalam kukusan.

Apabila gula mencair, sebatian hijau dituangkan ke atas cairan manis itu dan dikukus sehingga beku. Wap panas hanya membekukan lapisan hijau tetapi tidak pula membekukan cairan gula. Itulah arca sari kemanisan akhlak menyerlah apabila aqidah dan amal bersungguh-sungguh diperlakukan secara menyeluruh, sempurnalah iman sebagai pelita kehidupan.

Setelah lapisan hijau membeku, dituangkan pula banchuan 'kepala' dan dikukus lagi sehingga lapisan atas pula mengeras.

Siaplah satu menu sarat pengajaran bikinan nenek moyang kita yang sangat bijaksana. Hendaknya, semasa lidah merasa keenakan tepung pelita, ingatlah sentiasa akan kias yang berasal di sebalik namanya.

# MINYAK MESTIKA

## Asalnya minyak Ku Mat Gagah

Oleh Salma Husain

"Kenapa asyik menangis je budak tu? Agaknya sakit perut tak? Cuba sapu minyak Mestika sikit kat perut tu, InsyaAllah hilang la sakitnya."

"Aduhh... sakitnya pinggang. Sarah, hulurkan mak minyak Mestika. Pinggang mak ni tiba-tiba je rasa sakit."



Itu antara dialog yang sering kita dengar. Apabila terasa sakit, minyak Mestika antara yang menjadi pilihan keluarga untuk digunakan, samada sakit perut, sakit otot-otot, selsema dan pelbagai lagi.

Minyak Mestika tidak asing lagi bagi masyarakat di negara ini khasnya di Kelantan, sejak ia dikeluarkan tahun 1967. Lihat saja pada botol minyak yang berwarna hijau muda jernih, dengan labelnya juga berwarna hijau muda, serta tertera wajah seorang wanita berselubung, umum sudah mengenalinya – Minyak Mestika.



Bilik memproses minyak mestika ➤



Mungkin ramai yang tidak mengetahui sejarah minyak tersebut – siapa yang memulakan perniagaannya dan siapa pula yang meneruskan projek itu sehingga ia mampu mencipta sejarah yang tersendiri menerusi perubatan tradisional.

Pada awalnya minyak ini dikenali sebagai "Minyak Ku Mat Gagah". Namun selepas orang yang bernama Ku Mat itu meninggal, perusahaannya diteruskan oleh isterinya, Che Mah Che Ali, seorang bomoh kampung ketika itu. Jenama minyak Ku Mat Gagah pun kemudiannya ditukar oleh Che Mah kepada Minyak Mestika, yang membawa maksud "geliga" (mengikut kamus Indonesia).

Bertolak dari situ, sesuai sebagai minyak yang dihasilkan untuk mengubat pelbagai penyakit, sebagaimana 'geliga' itu sendiri sering digunakan oleh masyarakat silam sebagai alat penyembuh penyakit, "Minyak Mestika" telah dipilih untuk dijadikan jenama baru, sejak 43 tahun lalu.



Dengan hanya berbekalkan modal sebanyak RM500, (sekarang mungkin nilainya RM50,000), Che Mah meredah arus meneruskan usaha yang diwarisi dari suaminya itu, dengan dibantu oleh anaknya, Jaafar Harun yang ketika itu berusia 25 tahun.

Ketika itu ia hanya mampu dihasilkan kira-kira 40 dozen setiap bulan. Kini setelah syarikat tersebut diambil alih oleh anaknya, Haji Jaafar Harun, ia telah mencecah lebih 5,000 dozen sebulan.

Selain minyak gosok Mestika bersaiz besar dan kecil, yang merupakan produk utama syarikat Che Mah & Sons Sdn Bhd ini, syarikat juga turut menghasilkan minyak Bayini (minyak gosok untuk bayi), Maajun Mestika Wanita, Maajun Ratu Mestika dan Maajun Mestika Lelaki.

Di peringkat awalnya perusahaan ini dibuat oleh Che Mah di sebelah rumahnya di Jalan Hamzah, Kota Bharu. Selepas mendapat hasil yang lumayan, maka bagi memperluaskan lagi produksinya, sebuah kilang telah didirikan di Simpang Empat Chetok, Pasir Mas, bernilai RM625,000, pada tahun 1999, dan dirasmikan pada tahun 2000 oleh Timbalan Menteri Kesihatan ketika itu, Datuk Dr Suleiman Mohamed.



Kini Haji Jaafar Harun yang bertindak sebagai Pengarah Urusan telah berjaya membawa syarikat berkenaan ke tahap yang membanggakan. Dengan gandingan usaha bersama keluarga dan anak menantunya, Jaafar menjalankan kilang memproses ubat-ubatan itu secara yang lebih sistemetic, di samping mengikut ciri-ciri keselamatan dan kesihatan yang dikehendaki oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan.

Pada 3 Ogos 1991, kilang ini telah mendapatkan pengiktiran Amalan Pengilangan Baik, dari Kementerian Kesihatan Malaysia. Dan paling membanggakan, ia mendapat pengiktiran dan pensijilan ISO 9001 / 2008.

Jaafar ketika ditemui di pejabatnya di Wakaf Bharu memberitahu, lima daripada tujuh orang anaknya telah berganding bahu bersamanya bagi memajukan projek berkenaan. Menurutnya, kesemua anaknya mempunyai tugas masing-masing di syarikat tersebut mengikut kemampuan mereka, samada yang diperolehi dari pengalaman ataupun dari pengajaran.

Salah seorang anaknya, Ahmad Ashraf Jaafar, berkelulusan UiTM Machang, menjadi Pengurus Pemasaran, merupakan antara tenaga penting dalam memajukan syarikat, khususnya dalam memasarkan produk.

Haji Jaafar Harun selaku Pengarah Urusan Syarikat Che Mah & Sons Sdn Bhd



Menurut Jaafar lagi, Minyak Mestika bukan sahaja perlu dijaga dari segi kualiti buatannya semata-mata, tetapi dia juga meneruskan amalan doa yang diajar oleh arwah 'mamanya' sewaktu menyediakan ubatan terbabit.

"Selain menggunakan bahan-bahan bermutu yang diimport dari luar negara seperti Cina, India, Australia, selain bahan-bahan tempatan, amalan doa serta ayat al-Quran turut dibaca. Arwah mama telah mengajar saya membaca doa serta ayat-ayat al-Quran yang tertentu sewaktu membuat ramuan minyak ini," ujarnya.

Hari itu kami yang mewakili majalah QIADAH merasa begitu beruntung diberi kesempatan melawat kilang Minyak Mestika di Pasir Mas. Untuk memasuki kilang ini bukannya begitu mudah, sebaliknya perlu memakai pakaian khusus, bagi menjaga keselamatan dan kebersihan ubat-ubatan; dan hanya bahagian tertentu sahaja kami dibenarkan masuk.

Antara produk-produk yang dihasilkan oleh syarikat Che Mah & Sons Sdn Bhd

Kilang yang dibina di atas tapak seluas dua ekar itu mengandungi beberapa bahagian, antaranya penyediaan daun pandan, bahagian campuran ubatan, bilik pengisian, alat

pemeriksaan, dan bilik percetakan. Selain itu terdapat juga bahagian penjumlahan, bahagian pelabelan dan pembungkus, pengisian kapsul dan lain-lain lagi, yang mempunyai beberapa orang petugas tertentu sahaja, mengikut kesesuaian tugas yang diperlukan.

Ashraf memberitahu, memandangkan permintaan yang begitu mengalakkan dari pelbagai pihak, syarikatnya melangkah maju setapak lagi dengan melebarkan sayap perniagaan ke peringkat antarabangsa. Katanya, dengan kerjasama World Media Halal Communication, produk Mestika bakal memasuki pasaran Singapura dan Brunei.

Bagaimanapun, Minyak Mestika sebenarnya telah memasuki pasaran Timur Tengah secara tidak langsung apabila ia dibawa oleh syarikat atau agen jemaah haji yang mengendarakannya di sana, untuk dijual kepada jemaah haji atau umrah.

Tidak lama lagi, kilang yang terletak di Chetok akan berubah wajah apabila sebuah kilang baru bakal didirikan, bagi memenuhi permintaan pelanggan yang kian bertambah. Ia bakal didirikan bersebelahan kilang asal.

# BERKATILAH AIR Jelaskan Tunggakan Elakkan Pemotongan

Aduan Anda, Keutamaan Kami  
PUSAT INFORMASI & TALIAN ADUAN AKSB  
(PINTAS)

**Hubungi :**  
**1300 88 2572**

**"Dan Kami Jadikan Sesuatu Yang Hidup Dari Air"**

# al Quds HOTEL & RESORT

## TYPES OF ROOM:

- STANDARD
- DELUXE
- FAMILY
- DORM
- SEMINAR HALL

FACILITIES : ASTRO | WIFI | BREAKFAST (Nasi Berlauk, Nasi Kerabu dan Nasi Tupang)

# The Best budget HOTEL in town

WISMA AL QUDS , 650 JALAN SULTAN YAHYA PETRA, 15200 KOTA BHARU, KELANTAN DARUL NAIM  
Phone No : 609-747 8989 Fax : 609-747 7666 Email : hotelalquds@yahoo.com

[WWW.ALQUDSHOTEL.COM.MY](http://WWW.ALQUDSHOTEL.COM.MY)



## NIKMAT 7 KIOSK SELEPAS MEREDAH MALU

Oleh Kassim Muhamad

Lelaki yang kami temui di Eddlee Fried Chicken Wakaf Che Yeh pada petang Sabtu 1 Mei 2010 itu memiliki susuk fizikal begini: Tubuh tinggi lampai, hitam manis kulitnya, kemas tampan namun cukup sederhana. Sebelum itu, yang kira-kira terbayang dalam kepala saya ialah profil seorang usahawan separuh usia yang mempamerkan auranya sebagai seorang usahawan yang telah berjaya. Memang benar, dia manusia sederhana yang masih mencari-cari ruang-ruang untuk terus maju, tapi dengan langkah yang penuh hati-hati.





Eddlee Haji Ismail yang pernah melanjutkan pelajaran di Institut Padang Merdeka, sebuah sekolah swasta di Kota Bharu, bagi saya sangat sederhana, polos dan begitu merendah diri. Terkesan jua dengan saat-saat dia sebak mengenangkan pahit getir peristiwa masa lalunya – saya turut terharu dengan keyakinan terhadap keampuhan doa saat di depan Kaabah, dan pengaruh serta kekuatan dorongan seorang ayah yang keras tunggang disiplinnya, tajam daya visionarynya dalam membimbing Eddlee mengharungi dunia keusahawanan.

Satu ketika dia menghimbau: "Syukurlah, ayah saya yang membuat semua ini menjadi kenyataan. Saya cukup berterima kasih atas latihan, bimbingan dan dorongan ayah."

Pada saat lain, Eddlee memerhatikan langkah-langkahnya: "Saya tak mahu terlalu tergesa-gesa. Biarlah sederhana dan perlahan bertindak."

Kini terdapat tujuh buah kiosk atau cawangan Eddlee Fried Chicken di sekitar Kota Bharu. Dan bukan semuanya menghasilkan jualan seperti mana yang diharap-harapkan. Mengikut Eddlee terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi jualan, mungkin yang utama ialah lokasi kiosk yang strategik

Kegigihan, keazaman untuk membuat pembaharuan, usaha-usahanya mencari peluang dan kesempatan baru, jelas sekali kelihatan dalam perjumpaan kami..

◀ Eddlee : Saya tak perlu tergesa-gesa....

▼ Pekerja Eddlee siap melayan pelanggan ▼



## Sejarah penglibatan dalam perniagaan

"Saya bermula dalam tahun 1988, semasa masih belajar dalam tingkatan 3, dan tempat pertama ialah di pasar malam Wakaf Che Yeh. Menjual ayam goreng. Eddlee Food Services berdaftar dalam tahun 1999, sementara Eddlee Fried Chicken berdaftar dalam tahun 2003, iaitu ketika saya memulakan bisnes di gerai MARA."

Ya, memang benar. Usahanya bermula secara kecil-kecilan di pasar-pasar malam sebelum berkembang menjadi seperti sekarang. Di pasar malam dia memulakan dan perlahan-lahan memperbaiki resipi ayam gorengnya. Segala rempah-ratus yang ada dalam pasaran dicuba semuanya. Dalam meneroka ini pelbagai kilang dimasukinya untuk mencari rempah-ratus yang terbaik. Pendek kata segala jenama diuji keenakannya dan kesesuaiananya.

Maka apabila bertemu rempah-ratus yang tepat dan memenuhi citarasanya di salah sebuah kilang di Pantai Timur, Eddlee terbentur pula dengan satu masalah baru yang memeritkan: Pesanan mestilah sekurang-kurangnya 3 tan!

Di sinilah pandangan seorang ayah yang visionary dan penuh wawasan itu membantunya dalam membesarkan perniagaan. Ayahnya mencadangkan supaya dia berani mengambil risiko itu.

## Pelbagai bisnes dicubanya

Ayam goreng bukanlah satu-satunya bisnes yang pernah diusahakannya. Eddlee pernah mencuba menternak burung puyuh, telur puyuh, yamyuh, dan ais kacang atau ABC bergerak, juga coconut shake. Demikianlah pengalaman yang pernah dia kutip, himpun dan redah dalam kembara keusahawannya. Segala yang dilalui memperkayakan pengalamannya dalam bermula.

"Malu bang! Saing tengok kita jual ayam goreng, sedangkan mereka bebas ke mana-mana. Tapi ayah sangat jauh melihat ke depan, dan saya bersyukur kerana latihan penuh disiplin yang diberikan ayah saya sejak kecil lagi."

"Waktu muda dulu jiwa saya sering memberontak dengan tindakan ayah. Bayangkan menjual ayam goreng di pasar malam, sedangkan kawan-kawan saya bebas dan tak perlu buat kerja-kerja begitu. Kadang-kadang malu pun ada dengan kawan-kawan sekelas yang ke pasar malam."

Tentang usahanya memelihara puyuh, Eddlee menceritakan: "Semasa mengusahakan daging puyuh dan telur puyuh, lorong ke rumah saya pun dipanggil Lorong Puyuh! Begitu sekali banyaknya puyuh yang kami pelihara. Namun ia tak dapat maju seperti sepatutnya kerana saingan yang begitu kuat dari pengusaha-pengusaha Thailand. Kita turunkan harga, dia lawan, sehingga tak ada lagi untung dengan memelihara puyuh."

## Staf dan cabaran H1N1

Untuk mengendalikan semua tujuh kiosnya, Eddlee dibantu oleh seramai 30 orang staf tetap dan pekerja sambilan, kebanyakannya pelajar yang bercuti penggal/semester. Eddlee sendiri mengurus aspek perakaunan dan logistik.

Ketika ditanya tentang cabaran besar yang pernah dihadapinya, pengusaha muda 39 tahun ini menyebut wabak H1N1. "Semasa wabak H1N1 pertama kali melanda negara kita, ia memang mempengaruhi jualan. Pelanggan ragu-ragu dan inginkan kepastian lebih lanjut kesan wabak dan kaitannya dengan ayam yang disediakan. Mujurlah keadaan telah berubah setelah masyarakat lebih arif dengan penyakit itu."

Mengikut Eddlee, semua kuman mati apabila makanan digoreng sehingga 350 darjah. Dan orang yang paling terdedah dalam wabak ini ialah para penyedia makanan.





### Masa depan: Mahu ke mana?

"Saya berkahwin semasa berumur 23, dan sekarang ada 5 orang anak yang sedang membesar."

Untuk orang muda ini, rupa-rupanya berkahwin awal juga bersebab, "Saya nak bersara awal, bang," ujarnya sambil tersenyum.

"Payah juga membesarakan anak-anak dalam suasana sekarang. Sama seperti remaja dan seperti saya ketika remaja dulu, anak saya juga demikian. Kita kena berhati-hati mendidik anak-anak."

### Program Smart Order

InsyaAllah, tidak lama lagi bakal wujud satu program yang dinamakan Smart Order, satu projek bersama Bank Islam (BIMB). Konsepnya – pelanggan akan menetapkan apa yang mahu dinikmati, dan meja mana yang mereka pilih di Eddlee Fried Chicken. Pesanan dan bayaran dibuat secara talian terus (on-line), iaitu unsur utama pintarnya sistem Smart Order ini.

Mengikut Eddlee, ini adalah program inovasi yang disediakan oleh seorang pelajar UiTM, dan konsep ini mahu dilaksanakan di alam nyata, bukan lagi semata-mata di atas kertas.

### Petikan pengalaman yang sukar dilupakan

"Saya dulu main-main bila disuruh sembahyang. Syukurlah Allah telah membuka pintu hati saya. Kalau tidak, entahlah..."

"Tatkala mengerjakan umrah, saya ada satu cawangan yang sangat perlahan jualannya. Saya pun berdoa agar dimurahkan rezeki. MasyaAllah, esoknya jualannya melonjak berlipat ganda! Bagaimakah mahu..."

"Malu bang! Saing tengok kita jual ayam goreng, sedangkan mereka bebas ke mana-mana. Tapi ayah sangat jauh melihat ke depan, dan saya bersyukur kerana latihan penuh disiplin yang diberikan ayah saya sejak kecil lagi."

"Apakah saya seorang saja yang boleh senang sedikit? Adik-beradik saya bagaimana? Itulah kiosk-kiosk ada yang diusahakan oleh adik-beradik. Saya urus keseluruhan rangkaian."



**Teh Gaharu Emas Hijau....  
Keaslian dari Tanah Tinggi Blau...**

Oleh : Mohd Noor Khairulddin Razali

**TEH GAHARU**  
MINUMAN HERBA

Dari Tanah Tinggi Blau  
100% Original Gaharu Koridor Depu

Anugerah alam semulajadi

2g K35 uncang

Semakin ramai penduduk dunia kini menyukai teh yang asli untuk mengekalkan kesihatan mereka. Teh menjadi identiti negara atau simbol budaya mereka, terutamanya negara China dan Japan. Budaya minum teh juga telah mengalir ke negara kita sejak berabad lamanya. Ramai pengusaha teh telah menghasilkan teh yang bermutu tinggi yang selalunya dihasilkan dikawasan tanah tinggi seperti Cameron dan Sabah. Walaubagaimanapun, teh yang dihasilkan masih menggunakan daun teh yang berasal dari negara China ataupun Japan.

PMBK Sawit Sdn Bhd dengan satu langkah berani telah mengubah sejarah teh negara apabila mengeluarkan sendiri produk teh berdasarkan daun pokok Depu yang diambil dari projek Koridor Depu. PMBK Sawit Sdn Bhd dengan rasa syukur ke hadrat Allah SWT..dengan terlahirnya produk pertama dari Projek Koridor Depu..Teh Gaharu Emas Hijau. Ramai yang tidak tahu tentang khasiat daun pokok Depu. Sebenarnya masyarakat dahulu kala telah menjadikan pokok Depu sebagai ramuan dalam pengubatan tradisional. Setelah perubatan moden mengambil alih peranan yang telah dimainkan sekian lama oleh para dukun dan pengamal perubatan tradisional, khasiat pokok Depu seperti dilupakan.

Mutakhir ini, perubatan herba telah diterima kembali dalam masyarakat. Rahsia keistimewaan khasiat pokok Depu kembali dibongkar. Khasiat pokok Depu telah tercatat dalam beberapa kitab-kitab agama dan kitab-kitab perubatan. Dalam Sahih Bukhari contohnya hadis 5692,

**عليك بهذا العود الهندي، فإن فيه سبعة أشفيه : يستطيع به من العذرة، ويولد به من ذات الجنب.**  
**ودخلت على النبي صلى الله عليه وسلم بابن لي لم يأكل الطعام، فبألا عليه، فدعا بماء فرش عليه.**

(الراوي : أم قيس بنت محسن المحدث : البخاري - المصدر : صحيح البخاري - الصفحة أو الرقم 5692  
 خلاصة حكم المحدث : صحيح)

#### Cara terbaik untuk membuat air teh gaharu emas hijau

- » Ambil satu uncang teh untuk satu gelas.
- » Masukkan air panas 60 C -90 C ke dalam gelas.
- » Tekan uncang secara turun naik seketika, biarkan selama 3 ke 5 minit.
- » Warna hijau keemasan akan mula keluar dari uncang. keluarkan uncang selepas 5 minit untuk rasa yang optimum.
- » Untuk lebih enak, boleh ditambahkan dengan sedikit gula atau susu. Untuk mengekalkan kesihatan anda, boleh diamalkan setiap pagi. Untuk kesan terbaik, sila minum dalam keadaan panas atau suam. Anda boleh menambah air ke atas uncang sehingga warna hijau tidak lagi keluar.



Imam Bukhari telah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda, Ubatilah penyakit dengan menggunakan OUDH( gaharu ) kerana di dalamnya ada tujuh jenis kebaikan. Antara kebaikan gaharu yang disebutkan dalam sahih Bukhari adalah untuk saluran pernafasan, saluran kencing, masalah perut, jantung dan sebagainya. Ada banyak lagi huriahan berkaitan gaharu yang terdapat dalam kitab-kitab Islam yang boleh dirujuk antaranya Al lulu' wal marjan dan Tibbu Nabawi.

Masyarakat Thailand terutamanya pengikut agama Buddha juga mempunyai sejarah tersendiri mengenai gaharu. Mereka percaya, pokok ini telah diturunkan oleh Tuhan untuk membantu menyelesaikan masalah penyakit manusia. Keseluruhan pokok ini mempunyai khasiat tersendiri, contohnya batang dan dahan jika diproses boleh dijadikan sebagai 'mental tonic'. Juga boleh menguatkan jantung, hati, paru-paru, pengaliran darah, dan juga elemen fizikal lain. Kayu gaharu juga boleh

merawat pharyngitis, exhaustion dan kesakitan sendi. Minyak biji buah gaharu amat berguna dalam merawat leprosy, dermatitis dan kanser. Air rebusan daunnya pula amat baik dalam perawatan penyakit seperti alergi dan kencing manis (diabetes). Minyak gaharu digunakan untuk merawat masalah perut, kanser usus, kanser hati dan kanser perut. Juga digunakan dalam perawatan penyakit Malaria serta dapat melegakan kesakitan dan paralysis.

Dalam kitab-kitab Bible juga terdapat khasiat pokok gaharu dalam perubatan mereka. Sebagai contoh, campuran Kayu Gaharu boleh menguatkan pengaliran darah dan mencuci darah. Ia boleh membantu menguatkan alat kelamin. Bagi wanita, bagus untuk memudahkan

kehamilan. Ia juga dapat merawat masalah convulsion, sakit perut dan batuk. Terdapat banyak lagi kitab-kitab versi Bible lain yang boleh dirujuk berkenaan penggunaan Gaharu dalam perubatan.

Berdasarkan kitab-kitab dan kajian ilmiah yang telah dibuat, Teh Gaharu Emas Hijau telah dihasilkan oleh PMBK Sawit Sdn Bhd. Hasil pertama yang dikeluarkan adalah dari projek Koridor Depu yang sering diperkatakan sejak mutakhir ini. Campuran terbaik dan terpilih adalah dari daun-daun muda dan segar dari tiga jenis spesis Aqualaria Malaccensis, Aqualaria Subintegra dan Aqualaria Crassna. Setiap orang akan merasai perbezaan dan kelainan teh ini berbanding teh gaharu yang dikeluarkan oleh negara lain terutama Thailand dan Kemboja.



## New Generation Oil For Your Engine Performance



**SUKIMI LUBE (M) SDN. BHD.**  
 No. 1, Block F, Jalan Saujana Indah 10  
 Taman Perindustrian Saujana Indah  
 40000 Shah Alam, Selangor, Malaysia  
 Tel: +603-7842 2170 (Hunting Line)  
 Fax: +603-7842 2179

HEAD QUARTERS | SUKIMI BUILDING  
 Lot 83, Seksyen 23, Jalan Telipot  
 15150 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia  
 Tel (Hunting Line): +609-744 7911, +609-744 4911  
 Tel (Customer Care): +609-748 6000  
 Fax: +609-743 7911, +609-743 4911

**STANDARDS MALAYSIA**  
**MOODY INTERNATIONAL** MS ISO/IEC 17021:2006  
 Rgn No : Q910788  
 MS ISO/IEC 17021:2006  
 QS 10082004 CB 02  
 ISO 9001:2008 Certified

**NAZA SUKIMI UTM RACING**  
 MALAYSIA CUPRIX CHAMPIONSHIP 2008

**BEST VALUE**

**STUDIO LATIHAN & PERKHIDMATAN**

**Animasi 2D & 3D**

**Multimedia & Grafik**

**Sewaan Fasiliti**

**Percetakan**

**Videografi**

**Fotografi**



MAKLUMAT LANJUT UNTUK DIHUBUNGKAN:

Tel : 09-7473800   Faks : 09-7473801

[www.daruldigital.com.my](http://www.daruldigital.com.my)

Tingkat 3 KB Cyber Plaza, Jalan Hamzah, 15050 Kota Bharu, Kelantan

**Majlis Perasmian  
KILANG GMP BIOTECH**

Oleh : Shariah Derahman & Suryati Edid



Pada 12 Rabiu Akhir 1431H bersamaan 28 Mac 2010 Kelantan Biotech Corporation Sdn.Bhd telah mengadakan majlis perasmian kilang baru dan secara tidak langsung menyaksikan perjanjian diantara pihak KBCSB bersama Global Biotech Produce Sdn. Bhd.

Perasmian tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat. Majlis turut dihadiri oleh YB. Hj. Che Abdullah Mat Nawi, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Desa dan Bioteknologi, YBrs Tuan Haji Ir Mustafa Bin Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan exco-exco kerajaan serta tetamu kehormat. Kilang ini diberi nama Nutraceutical yang bermaksud nutrien (nutra) dan farmaseutikal (-seutikal).

Kilang Nutraceutical tersebut telah dilawati dan dinilai oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan pada 26 April 2010 dan telah dianugerahi status Amalan Pengilangan Baik atau GMP (Good Manufacturing Practice).



Pihak KBCSB turut bekerjasama dengan beberapa universiti tempatan bagi memperkembangkan dan memperluaskan lagi bidang penyelidikannya.

Matlamat pembinaan kilang adalah untuk menyediakan produk penjagaan diri dan kesihatan untuk pasaran dalam dan luar negara terutamanya bagi produk-produk berasaskan minyak kelapa dara. Kilang ini juga menyediakan khidmat "Kontrak Pengilangan" untuk industri kecantikan dan kesihatan kepada mana-mana pihak yang berminat. Ia juga secara tidak langsung akan membantu para usahawan bagi meningkatkan lagi nilai tambah produk-produk yang dihasilkan oleh mereka bagi menembusi pasaran tempatan dan juga antarabangsa.

Buat masa ini, kilang Nutraceutical KBCSB mengeluarkan produk penjagaan diri kepada pelanggan secara pukal dan kepada syarikat baru yang ingin memulakan perniagaan. Keutamaan syarikat bukan sahaja menyediakan produk yang berkualiti tinggi, malah juga membantu pelanggan di dalam menjalankan penyelidikan produk, penghasilan produk, pembungkusan produk serta maklumat produk melalui khidmat nasihat.

Di antara kandungan ucapan perasmian oleh YAB Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat, beliau menegaskan bahawa tanpa wahyu manusia akan tersesat kerana tidak mendapat bimbingan dari Allah swt, jadi sebagai hambaNya kita hendaklah menggunakan ilmu yang dikurniakan dengan sebaik mungkin. Adalah menjadi harapan beliau juga agar produk yang dihasilkan oleh kilang ini dapat memberi manfaat kepada semua kerana ia dihasilkan dari bahan semulajadi yang terpilih dan semestinya berkualiti dan halal digunakan. Besarlah juga harapan beliau agar produk ini dapat bersaing dengan jenama antarabangsa yang lain.



Kapasiti pengeluaran kilang adalah berdasarkan jenis-jenis produk yang dihasilkan. Antara bentuk produk yang dihasilkan ialah produk jenama Nutrifera yang terdiri dari produk berbentuk cecair (syampu dan mandian gel), produk berbentuk pepejal (sabun mandi dan sabun muka) dan produk berbentuk krim (lulur badan dan losyen).

Antara mesin-mesin canggih yang terdapat di dalam kilang ialah mesin sabun, mesin vakum emulsifier, mesin pengisian dan mesin pembungkusan. Mesin sabun ditempah khas dari UM untuk menghasilkan sabun dengan kuantiti yang banyak. Mesin vakum emulsifier pula digunakan bagi penghasilan produk cecair dan krim. Mesin pembungkusan pula digunakan untuk membungkus semua produk penjagaan diri dan kesihatan dengan cepat dalam kuantiti yang banyak dengan menggunakan kaedah pempanasan.

Majlis perasmian tersebut diakhiri dengan sedikit jamuan bagi meraikan tetamu yang hadir bagi memeriahkan majlis itu.



## Peluang perniagaan FRANCAIS

- Kedai optikal Rozaimi Optometrist.
- Terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
- Kos pelaburan awal terendah dalam pasaran.
- Pasaran luas di kalangan semua kaum.
- Modal diuruskan oleh Francaisor
- Francaisor memberikan latihan, bantuan teknikal & pengurusan.

Untuk keterangan lanjut, Sila hubungi:

**09 - 748 8494**



### CAWANGAN ROZAIMI OPTOMETRIST

**KELANTAN:** PINTU PONG 09-7444252, KOTA BHARU (2) 09-7438494,  
KOTA BHARU (3) (LANGGAR) 09-7478633, TANAH MERAH 09-7551600,  
**PASIR PEKAN (ROT)** 09-71820340, TUMPAT 09-7255687, PASIR MAS 09-7901034,  
RANTAU PANJANG 09-7951004, GUA MUSANG 09-9121535, JELAWAT 09-7782535,  
KOK LANAS 09-788 5009 **TERENGGANU:** JERTEH 09-6903930

**SELANGOR:** BANDAR BARU BANGI (Akan Dibuka),  
KLANG 03-33749869, TAMAN SRI ANDALAS 03-33248494

**NEGERI SEMBILAN:** SENAWANG 06-6788969 **JOHOR:** JOHOR BHARU 07-2352535  
**PERAK:** TAIPING SENTRAL MALL 05-8070231, PARIT BUNTAR 05-7173058



## Majlis Perpisahan dan Penyerahan Tugas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK

**Segala sumbangan kekal abadi,  
segala jasa kekal dihati...**

Oleh Shariah Derahman

Patah tumbuh hilang berganti, begitulah lumrah hidupan setiap pertemuan ada perpisahannya. Itu yang berlaku di Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) pada 12 Safar 1431H bersamaan 28 Januari 2010; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK, Ir Abdul Ariffahmi Ab Rahman yang menerajui PMBK selama 5 tahun 2 bulan telah meletakkan jawatan.

Maka pada petang 28 Januari 2010 lalu, berlangsung majlis perpisahan dan penyerahan tugas disaksikan oleh Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat selaku Pengerusi PMBK, Tuan Jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK telah diam-bilah oleh bekas Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Ir Hj Mustafa Salleh.



Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz, yang menggalas tanggung-jawab sebagai Pengerusi PMBK, memperkenankan majlis perpisahan dan penyerahan tugas ini dan menghargai sumbangan mantan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK

Dalam ucapan perpisahan tersebut, Ir Abdul Ariffahmi antara lain menyatakan: "Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan dan parti kerana memberi peluang kepada saya berada di PMBK selama ini, saya juga berharap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan yang baru dapat meneruskan segala agenda yang telah dijalankan dan menambah baik apa yang ada sekarang," katanya.

Ir Abdul Ariffahmi menambah, "Terima kasih juga kepada pimpinan kerajaan negeri kerana memberi kepercayaan kepada saya menerajui syarikat besar seperti PMBK".

Ir Hj Mustafa pula melahirkan iltizam untuk meneruskan usaha yang telah dilakukan oleh Ir Abdul Ariffahmi sebelum ini bagi meneruskan kecemerlangan perbadanan ini. "Saya berharap mendapat kerjasama dari semua agensi kerajaan dan anak-anak syarikat bagi melancarkan lagi pentadbiran PMBK".

Pada majlis tersebut, wakil daripada PMBK dan anak-anak syarikat telah menyampaikan cenderahati kepada Ir Abdul Ariffahmi sebagai tanda ingatan dan terima kasih. Hadir sama ialah Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Hj Mohd Faudzi Che Mamat, Setiausaha Sulit Menteri Besar, Rusdi Abdullah dan pengurus anak-anak syarikat di bawah PMBK.

Tuan Guru Nik Abdul Aziz ketika berucap pada majlis tersebut turut melahirkan rasa sedih dan menghargai sumbangan Ir Abdul Ariffahmi sepanjang berkhidmat di PMBK.

Sebelum bersurai, sedikit jamuan ringkas turut diadakan pada petang tersebut bagi meraikan tetamu yang hadir.

# HARMONI BERSAMA DI *Majlis Penyampaian Sumbangan Kifaalah* KEPADА WASI PERINGKAT NEGERI KELANTAN


Oleh Shariah Derahman

Keharmonian dan kepelbagaian dapat dilihat apabila masyarakat dari pelbagai kaum dan agama tanpa mengira fahaman politik telah berkumpul bagi menerima sedikit sumbangan dari Kerajaan Negeri. Sumbangan ini adalah berbentuk cek kepada waris warga emas yang telah meninggal dunia dan berdaftar dengan Takaful Kifaalah.

Majlis penyerahan cek sumbangan Kifaalah kepada wasi peringkat Negeri Kelantan yang dianjurkan oleh Kifaalah Sdn Bhd dengan kerjasama Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan telah diadakan di padang Majlis Daerah Machang. Majlis ini telah disempurnakan oleh Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat disertai oleh Exco-exco Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Setiausaha-setiausaha DUN, penghulu-penghulu mukim dan orang ramai.

Majlis ini diadakan pada 22 Safar 1431H bersamaan 7 Februari 2010 bermula pada jam 9 pagi dan dihadiri penerima-penerima cek yang bernilai RM 2000 setiap seorang. Majlis ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan - lebih 3000 orang telah memenuhi padang Majlis Daerah Machang.

Dato' Husam Musa dalam ucapannya mengucapkan tahniah kepada Kifaalah Sdn Bhd di atas anugerah yang telah diterima terhadap pencapaiananya iaitu juara keseluruhan agensi korporat seluruh Malaysia yang membuktikan pengurusan Kifaalah adalah pengurusan yang cekap dan diakui serta menjadi model yang diterima oleh masyarakat.



Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz pula dalam ucapannya semasa menyempurnakan majlis ini berkata, "Alhamdulillah, bermula dengan Belanjawan Sejahtera Tahun 2007, pihak Kerajaan Negeri telah memulakan program takaful warga emas Kifaalah ini. Permulaan, pihak Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 3 juta untuk membiayai caruman kepada wasi. Dan terdapat kira-kira 140,000 warga emas yang layak". Sambung beliau lagi, "Pendekatan yang diambil adalah wakil rakyat dan penghulu hendaklah terlibat aktif untuk mendaftar semua warga emas tersebut tanpa mengira kaum dan fahaman parti politik. Sasaran kita adalah semua warga emas hendaklah didaftarkan ke dalam skim ini. Dengan harapan, sejumlah sumbangan daripada pihak Kerajaan Negeri dapat disalurkan kepada keluarga atau wasi bagi warga emas selepas kematian".

Menurut seorang wasi yang berbangsa Siam pula, Kian Song A/L Eh Bi merasa bersyukur dan berterima kasih di atas keprihatinan Kerajaan Negeri menghulurkan bantuan kepada waris si mati tanpa mengira kaum dan agama. Menurut mekanik yang bermastautin di Pasir Puteh ini, sumbangan yang diberikan adalah bertepatan dengan sambutan Tahun Baru Cina ini saat mereka memerlukan wang untuk sambutan perayaan tersebut dan juga bagi mengadakan kenduri kesyuran kepada mendiang ayahnya.

Majlis penyampaian sumbangan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya berkat kerjasama semua pihak dalam memainkan peranan masing-masing. Sedikit jamuan ringkas telah diadakan sebelum majlis bersurai.



# Bazar Tok Guru

DI MALAYSIA PROPERTY EXPO (MAPEX)

Oleh: Nik Norul Akmal Nik Mahmud

Kempen Pemilikan Rumah Rasmi Negeri Kelantan 2010 yang berlangsung di lobi aras bawah pasaraya KB Mall, Kota Bharu telah dirasmikan oleh Dato' Mejar (B) Md Anizam Ab Rahman selaku Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerjaya, Utiliti dan Alam Sekitar Negeri Kelantan. Kempen yang dianjurkan oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) cawangan Negeri Kelantan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada segenap lapisan masyarakat.

Pameran selama 4 hari bermula pada 12 Mac sehingga 15 Mac 2010 ini disertai oleh 31 syarikat pemaju perumahan terkemuka di Negeri Kelantan antara lainnya Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Binaraya PKINK Sdn Bhd, Nusajaza Development Sdn Bhd, dan SPP Properties Sdn Bhd. Orang ramai berpeluang mendapatkan pelbagai jenis rumah dari harga mampu milik sehingga ke kediaman mewah. Selain itu, pelbagai jenis rumah kedai dan bazar juga telah dibuka untuk jualan semasa pameran tersebut yang lebih dikenali sebagai Malaysia Property Expo (MAPEX).



Pameran perumahan daripada pemaju-pemaju berlesen yang diberikan pelbagai keistimewaan oleh Kerajaan Negeri Kelantan seperti pengecualian bayaran pindah milik pertama dan bayaran gadaian pertama sementara untuk pembeli Melayu yang bukan warga Kelantan dibolehkan membeli rumah tanpa kelulusan Exco sekiranya berkawin dengan peranakan Kelantan dan bekerja dengan agensi Kerajaan di Kelantan.

Bagi PMBK yang pertama kali menyertai kempen pemilihan rumah ini merasakan pameran ini amat bermanfaat dalam memberi kuasa memilih kepada orang ramai dengan kepelbagaijenis rumah idaman yang disediakan oleh pemaju-pemaju perumahan berlesen di Negeri Kelantan. Adalah diharapkan pameran Mapex kali kedua yang akan berlangsung pada hujung tahun ini akan lebih meriah dengan pelbagai agensi perumahan.



# Majlis Penyampaian SKIM BANTUAN *Imam al-Ghazali*

oleh Shariah Derahman

KEPADA 50 ORANG PELAJAR BAGI SESI 2010/2011.



**S**kim Bantuan Imam Al-Ghazali yang telah diperkenalkan oleh PMBK bermula pada 2 Jamadil Akhir 1430H bersamaan 27 Mei 2009 adalah merupakan cetusan idea daripada Menteri Besar Kelantan selaku Pengurus PMBK iaitu Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat. Program ini adalah merupakan satu program tanggungjawab sosial (Corporate Social Responsibility) berupa bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar miskin yang cemerlang di bawah sekolah-sekolah kelolaan YAYASAN ISLAM KELANTAN (YIK) dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh PMBK.

Susulan dari majlis pelancaran yang telah diadakan pada tahun lalu, PMBK telah mengadakan satu Majlis Penyampaian Skim Bantuan Imam Al-Ghazali pada 8 Rabiul Akhir 1431H bersamaan 24 Mac 2010 bertempat di Dewan YIK. Ia merupakan bantuan kepada 50 orang pelajar baru sesi 2010/2011 iaitu bagi mengantikan 50 orang pelajar sesi

2009 yang telah tamat pengajian. Pada majlis tersebut, 50 orang pelajar baru yang dipilih telah menerima sijil dan buku simpanan Bank Islam Malaysia Berhad berserta kad ATM. Bantuan kewangan secara bulanan sebanyak RM 50 seorang kepada 100 orang pelajar yang terpilih akan disalurkan oleh PMBK dan tempoh bantuan adalah selama 2 tahun yang akan diberikan kepada pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan 5.



Penyampaian sijil, buku dan kad ATM kepada pelajar-pelajar terpilih

Majlis penyampaian ini telah disempurnakan oleh Dato' Mohd Amar Nik Abdullah, Pengurusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah Negeri Kelantan. Pada majlis tersebut, beliau telah menegaskan bahawa ilmu pendidikan dan agama seharusnya selari demi kebahagian di dunia dan akhirat. Beliau juga melaahirkan rasa bangga dan syukur dengan lahirnya ramai pelajar cemerlang di bawah sekolah-sekolah kelolaan YIK.

Kira-kira seramai 150 orang telah hadir ke majlis tersebut yang terdiri daripada pelajar, guru-guru pengiring, ibu bapa dan kakitangan dari PMBK, YIK serta Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

Majlis tersebut berakhir dengan jamuan makan petang bagi meraikan tetamu yang hadir.

# Majlis 100 hari

OLEH NIK AIDA NIK AHMAD  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN  
(PMBK)



Ir Hj Mustafa Salleh berucap sewaktu Majlis Bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sempena 100 hari di PMBK

Tanggal 15 Safar 1431H bersamaan 31 Januari 2010 adalah merupakan satu tarikh bersejarah kepada Ir Hj Mustafa Salleh apabila beliau telah memulakan tugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK yang baru.

Pada 25 Jamadil Awal 1431H bersamaan 10 Mei 2010, genaplah 100 hari Ir Hj Mustafa Salleh menerajui PMBK dengan meneruskan amanat yang dipertanggungjawabkan kepada beliau. Sempena dengan hari tersebut, satu Majlis 100 Hari Perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK telah diadakan bertempoh di Hotel Ridel, Kota Bharu, Kelantan.

Majlis ini telah dihadiri oleh semua Pengurus Besar anak syarikat, Pengurus PMBK dan juga kakitangan PMBK. Objektif utama majlis ini diadakan adalah untuk meninjau kembali agenda-agenda yang telah dilaksanakan dan pencapaian dalam tempoh 100 hari serta perancangan masa depan PMBK.



Selama 100 hari di PMBK, beliau telah melaksanakan beberapa program seperti program keagamaan bagi menyuburkan lagi kefahaman Islam di kalangan kakitangan dan juga program yang melibatkan kakitangan PMBK dan anak syarikat dengan realiti kehidupan masyarakat sebenar. Di samping itu, beliau juga menitik beratkan pengurusan strategik dalam PMBK, mengamalkan sistem keputusan secara berkumpulan dan menyediakan saluran maklumat dua hala di antara kakitangan dan pihak pengurusan. Bagi beliau, suasana kerja yang baik akan menjamin keselesaan bersama dalam menjalankan tugas dan mahabbah di antara satu sama lain amat perlu diterapkan di dalam diri setiap kakitangan.

Untuk hala tuju masa depan, beliau menegaskan bahawa masih terdapat banyak bidang yang masih boleh diterokai oleh PMBK dan anak syarikat seperti di dalam bidang pengangkutan, infrastruktur, pendidikan, produk halal, minyak dan gas.

Beliau juga yakin segala cabaran luaran dan dalaman dapat direntasi bersama memandangkan PMBK mempunyai kekuatan dari segi tenaga kerja, bahan mentah, peralatan dan juga aset-aset lain.

Besarlah harapan beliau agar kesatuan hati sentiasa disemai di dalam diri setiap kakitangan bagi memartabatkan kejayaan PMBK di masa hadapan.



## Majlis Penyerahan Kunci kepada Pemilik Kedai Oleh Naim Indah Corporation Berhad DI BANDAR BARU TUNJONG(BBT)

Oleh: Nik Aida Nik Ahmad



Pada 4 Jamadil Awal 1431H bersamaan 19 April 2010, satu majlis penyerahan kunci kepada pemilik kedai oleh Naim Indah Corporation Berhad telah diadakan di Bandar Baru Tunjong. Pada majlis tersebut, Dato' Haji Husam Hj Musa selaku Pengurus Tunjong Development Corporation Sdn Bhd telah dijemput untuk menyampaikan kunci kepada 52 orang pemilik.

Rumah kedai dua setengah tingkat ini adalah merupakan projek fasa pertama Naim Indah Corporation Berhad, iaitu salah sebuah syarikat pemaju yang mempelopori projek Bandar Baru Tunjong.

Dato' Hj Husam Hj Musa di dalam ucapannya, merakamkan ucapan tahniah kepada pemaju kerana berjaya memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan berjaya menjadi pemaju pertama dalam skala yang besar di kawasan BBT.

Ada dikalangan pemilik rumah kedai pula melahirkan rasa beruntung kerana dapat memiliki rumah kedai tersebut memandangkan lokasinya yang strategik di dalam kawasan pembangunan BBT yang bukan sahaja menjadi pusat komersial malah juga akan dibangunkan rumah-rumah kediamaan. Di BBT setakat hari ini juga, telah pesat dibangunkan jabatan-jabatan kerajaan seperti Terminal Makanan Negara (TEMAN) yang bakal menghubungkan pasaran makanan di seluruh Negara.

Majlis ringkas yang telah diadakan selama dua jam itu telah disudahi dengan jamuan ringan oleh pihak pemaju.



### HARGA PROMOSI !!!

#### STUDIO

**RM300.00 bersih**  
Harga Tarif 340.00 bersih

#### SUPERIOR DELUXE

**RM200.00 bersih**  
Harga Tarif 220.00 bersih

#### FAMILY

**RM160.00 bersih**  
Harga Tarif 220.00 bersih

Untuk Tempahan  
**09 747 1222**

Email : [ktc-resv@yahoo.com](mailto:ktc-resv@yahoo.com)

Lot 644, seksyen 14, 15200 Kota Bharu, Kelantan

[www.kelantantradecentre.com](http://www.kelantantradecentre.com)

**MAJAARI SERVICES SDN.BHD**

**MAJAARI**

**Perkhidmatan disediakan:**

- Agensi Perakuan(C.A) yang dilantik oleh SPAN bagi memproses pelan pembetungan.
- Menyediakan perkhidmatan mengosongkan tangki septik (desludging) dan membersihkan sumbatan.
- Membangunkan, operasi dan menyelenggara loji rawatan kumbahan berpusat awam.

**Info tangki Septik?**  
**Apa itu tangki Septik?**  
Ia merupakan tangki encapceram kumbahan dan tidak merawat kumbahan sepenuhnya. Ianya harus dikosongkan setiap 3 tahun supaya tidak mencemarkan sumber air dan alam sekitar.

**Mengapa ia perlu Dikosongkan (Desludging)**  
Sekiranya melebihi tempoh 3 tahun, sisa kumbahan akan mengalir ke dalam sistem pengairan kita dan akan menjadikan hidupan dan kesihatan orang ramai. Sisa kumbahan tersebut mengandungi bakteria Campylobacter, Cryptosporidium parvum yang boleh menyebabkan penyakit seperti taun, demam kepialu dan hepatitis A.

**Khidmat Desludging 09-747 0005**

Tel: 09-7430055 Faks: 09-747 2223  
Lot 188A, Seksyen 21, Jalan Tengku Ismail Off Jalan Telipot, 15200 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.  
Email: [majaari@kumh.com.my](mailto:majaari@kumh.com.my)

**NAIM INDAH CORPORATION BERHAD**  
نعييم اينداه كورفريشن برحد  
كرايتييف سفرييغس ستديريين برحد

**CREATIVE SPRINGS SDN. BHD.**

HEADQUARTERS: Suite 12A.03-05 Level 12A, Plaza Permata, Jalan Kampar OFF Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur. Tel : 03 - 4041 8288 Fax : 03 - 4045 2471

KOTA BHARU BRANCH: PT 379 Bandar Baru Tunjong, Jalan Kuala Krai, 15100 Kota Bharu, Kelantan. Tel : 09 - 796 8188 / 09 - 798 8288 Fax : 09 - 798 8388

**NAIM INDAH CORPORATION BERHAD**

# Layar Hayat

Sekujur tubuh siang tertiarap  
di kulit pasir menadah tulang-tulang patah  
ruap matahari menulis doa dan rintih  
insan.

Bisik nurani rentung dibakar  
api ammarah di balik selubung keamanan  
menjadi abu saraf cinta kasih  
kemanusiaan.

Ummah bergumpal dalam kabut  
keangkuhan diri dan kebatilan  
merata di ladang dan di kota  
penasaran.

Rambut malam mengurai  
sejadah berbau narwastu  
bunga-bunga doa menghias sanggul  
ketaqwaan.

Pasir Mas, 2010

**DARMA MOHAMMAD**

Darma Mohammad lahir di Tasik Berangan, Pasir Mas, 1948. Pendidikan menengah di Pasir Mas dan Kota Bharu. Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya, 1972. Diploma Pendidikan, 1973. Kerjaya di dunia pendidikan selama 30 tahun. Menulis sejak 1970 – puisi, cerpen, novel, esei sastera-budaya, buku non-fiksyen. Antara bukunya: Janjang Iktikaf, kumpulan puisi, 2003; Dera-derai Debu, novel, 2008.

# Time Tunnel Terowong Masa




Sumber dan foto ehsan  
Perbadanan Muzium  
Negeri Kelantan

kini...

## LAPANGAN TERBANG SULTAN ISMAIL PETRA

Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu pada tahun 2010

*The Sultan Ismail Petra Airport, Kota Bharu in 2010*



# DATUK HUSSAMUDDIN YAACUB

Trend setter dengan 30 majalah Karangkraf

OLEH DINSMAN

Rabu 21 April 2010, krew QIADAH berkesempatan bertemu dengan Datuk Hj Hussamuddin Yaacub, Pengarah Urusan Kumpulan Karangkraf Sdn Bhd, yang beribu pejabat di Lot 2, Jalan Sepana 15/3, off Persiaran Selangor, Seksyen 15, Shah Alam. Krew Qiadah diwakili oleh Dinsman, Kassim Muhamad dan Na'ime Muhammad.

## **Qiadah: Boleh Datuk jelaskan sedikit latar belakang keluarga dan di mana Datuk dibesarkan?**

Arwah bapa saya dikenali sebagai Mualim Haji Yaacub. Dia salah seorang pengasas Sekolah Na'im Lil Banat, sebuah sekolah Arab yang sangat masyhur satu masa dulu. Dia juga jadi Bendahari sekolah itu. Setelah diambil alih Kerajaan Persekutuan, sekarang sekolah itu dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Na'im Lil Banat, sebuah sekolah perempuan, berasrama penuh, di Langgar. Kalau kita semak geran tanah yang menjadi tapak sekolah tersebut, nama bapa saya ada di situ.

Arwah bapa saya seorang ustaz. Sebagai ustaz gajinya tidak mencukupi untuk menyara keluarga. Untuk menampung pendapatan, bapa saya membuka sebuah kedai buku berdekatan rumah di Jalan Tengku Putera Semarak, iaitu tapak Bazar Uda sekarang. Bapa menjual buku dan ibu pula mengambil upah menjahit baju.

Kami semua mendapat latihan di kedai buku. Kedai ini seperti kedai-kedai mamak yang biasa kita lihat, menjual buku, surat khabar, majalah, tapi tak ada sirih. Songkok ada. Itulah latihan yang kami perolehi. Jadi sambil menjual buku sambil baca surat khabar, majalah dan buku. Itulah tergerak di hati saya satu hari nanti saya nak jadi penerbit buku, majalah dan surat khabar.



**Lahir tahun berapa?**  
5 Disember 1954, di Kota Bharu.

**Latar belakang pendidikan?**  
Bermula di Sultan Ismail Primary School (SIPS). Setelah itu ke Sultan Ismail College, sehingga Tingkatan Lima. Kemudian saya melanjutkan pelajaran di Maktab Kadir Adabi untuk Sijil Tinggi Pelajaran (STP). Kemudian ke Universiti Kebangsaan Malaysia mengikuti bidang ekonomi dengan pengkhususkan *business accounting*, dan lulus pada tahun 1978.

**Bagaimanakah cerita Datuk membina kerjaya?**  
Macam saya cerita tadi, sejak kecil lagi saya sudah mendapat latihan, *apprenticeship* di kedai buku. Belajar bermiaga, belajar jual buku dan lain-lain. Yang paling membantu saya ialah saya banyak membaca kerana saya mengambil peluang masa bekerja di kedai buku itu untuk membaca. Waktu dulu pelanggannya tidaklah begitu banyak, jadi ada banyak masa untuk membaca.

Maknanya saya ada dua bentuk latihan, satu latihan jual beli, dan satu lagi latihan membaca. Kalau kita perhatikan orang Cina berjaya kebanyakannya begitu. Jika mereka dapat latihan awal di kedai basikal, mereka buka kedai basikal. Kalau pengalaman awalnya di kedai makan, mereka usahakan kedai makan. *Apprenticeship* itu penting.

**Berapa orang adik-beradik?**  
Lapan orang adik-beradik, dan saya anak yang ketujuh. Abang-abang saya cemerlang dalam akademik dan belajar di luar negara. Saya average saja dan bercita-cita untuk bermiaga. Tetapi bermiaga dengan lebih baik daripada bapa saya. Kalau bapa saya menjual buku, saya menerbitkan buku dan membelakangkan buku kepada seluruh kedai buku di Malaysia. Itu cita-cita saya.

**Mula membina Karangkraf?**  
Semasa saya di tahun akhir di universiti, saya sudah mula menjadi penerbit. Saya minta Johan Jaafar (sekarang Datuk) yang ketika itu mahasiswa Universiti Malaya, menulis buku ulang kaji Sejarah Melayu. Itu hujung tahun 1977. Saya bayar RM400 untuk manuskriptnya dengan menggunakan duit biasiswa saya. Kemudian saya edit sendiri, dan dengan bantuan kenalan dan kawan-kawan lain saya bereskan kerja-kerja *taipsetting* dan juga urusan mencetak. Yang mencetak ialah kawan Cina, jiran saya di Kota Bharu. Kos untuk *taipsetting* dan mencetak ini saya tidak mampu bayar tunai. Tapi semua hutang itu beres hasil jualan buku tersebut.

Untuk pemasarannya saya gunakan kaedah jualan langsung ke sekolah-sekolah, dan mendapat bantuan kawan-kawan saya di universiti ketika itu, termasuk Che Man Che Mud. Dalam tempoh tiga minggu, semua 5,000 naskhah habis dijual. Waktu itu semua orang ambil STPM. Matrikulasi belum ada. Dan ketika itu saya beroperasi dari bilik di rumah. Menerbitkan dari satu buku ke satu buku. Tahun 1978 abang-abang saya, Fahim dan Fikri, iaitu di antara tenaga yang mengasaskan Penerbitan Adabi, berpecah daripada Adabi. Mereka bergabung dengan saya.

Majalah pertama kami ialah Mingguan Kanak-Kanak, tahun 1979. Majalah ini terus meletup, kerana saya gunakan rangkaian kawan-kawan yang mengajar di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia untuk memasarkannya. Setelah itu saya keluarkan Bacaria, juga meletup, di samping melahirkan majalah-majalah baru. Kemudian kita ambil alih Watan.

Lepas itu kita buat buku dan majalah, dan dalam tahun 1990 kita wujudkan percetakan sendiri, Ultimate Print Sdn Bhd. Kalau sebelum ini kita minta orang lain mencetak bahan-bahan kita, sekarang dengan wujudnya percetakan sendiri kita mulai mencetak sendiri. Langkah ini telah membawa perubahan yang besar. Dengan jumlah percetakan yang besar kita dapat membeli mesin-mesin baru, dan kebetulan dalam tahun 90-an wujud pula *hypermarket* yang memerlukan bahan cetakan yang banyak dan cepat, percetakan kita pun mendapat faedahnya dan terus berkembang. Sekarang pendapatan kita dari percetakan sahaja RM200 juta setahun.

Kita sekarang menerbitkan 30 buah majalah, dua akhbar, dan sebuah tabloid baru, *I Luv Islam*. Penerbitan Bacaria kita telah hentikan. Sekarang dalam seluruh kumpulan kita ada lebih daripada 1,400 orang pekerja, dan pendapatan kumpulan sebanyak RM350 juta setahun.



#### Adakah Sinar Harian cuba menerapkan konsep yang baru?

Ya, satu konsep yang betul-betul merakyat, dan untuk daerah. Ia juga telus dan tulus. Dalam istilah *publishing* mereka sebut sebagai '*hyperlocal*' atau '*superlocal*'. Tahun sudah saya diminta bercakap tentang Sinar Harian kepada *World Newspaper Publishing* yang kebetulan bertemu di Kuala Lumpur. Saya menceritakan pengalaman Sinar Harian, dan mereka bersetuju bahawa ini memang satu formula baru.



Saya membuat analoginya begini:

Kita mahu anak-anak muda rajin sembahyang, dan mereka ini rata-rata sentiasa saja selesa dengan jeans. Lalu kita katakan kepada mereka, "Elok juga kalau anak-anak semua balik dulu, tukar pakaian sebelum sembahyang." Pendekatan kita berbeza, kita kata: "Tak apalah, mari sembahyang walaupun berjeans."

#### Orang Kelantan suka merantau dan bekerja di luar Kelantan. Kenapa?

Ini adalah fitrah kita sebagai manusia. Cina yang di negeri China belum tentu berjaya, tetapi di sini kerana mereka merantau, mereka lebih berjaya. Kebarangkalian orang yang merantau itu berjaya jauh lebih besar kerana mereka katerpaksa berjuang lebih. Kalau kita baca sejarah orang Arab dulu-dulu, mereka juga mengembara dan dapat membuka daerah baru dengan cara merantau.

Ada satu lagi aspek, bila kita membincangkan kejayaan orang Kelantan, ramai orang lupa sumbangan arwah Datuk Asri Muda. Dialah yang memastikan semua anak-anak Kelantan yang layak memasuki universiti, dibiayai

#### Pengalaman menarik Datuk sebagai penerbit majalah?

Kita membawa perubahan dalam dunia bacaan tanah air. Contohnya, pernahkah orang terfikir untuk membuat majalah yang khas Laman, misalnya? Pernahkah orang terfikir membuat majalah untuk wanita berumur 50an? Kita ada Midi. Pengalaman menarik ialah kita menjadi pemula *trend* atau *trend setter*. Orang lain berfikir tentang majalah untuk wanita, kita telah keluar daripada lingkungan itu. Contohnya majalah Mingguan Wanita kita mampu jual 160,000 naskhah seminggu. Dan kita telah berjaya melahirkan usahawan-usahawan wanita yang kaya kerana kita membuat promosi kegiatan mereka melalui majalah itu.

Saya percaya kita telah banyak membawa perubahan dalam masyarakat Melayu, khususnya dalam tingkah laku atau habit mereka dalam membaca melalui bahan-bahan yang kita keluarkan. Kalau Dewan Bahasa dan Pustaka misalnya mengusahakan sesuatu yang serius, kita mulai dengan novel-novel popular. Mula-mula dulu memanglah orang marah, misalnya kerana bahasanya tidak bagus. Tapi kita terus perbaiki kualiti buku-buku kita. Bagi saya inimembawa perubahan dalam sikap membaca orang Melayu.

untuk masuk universiti. Siapa saja anak Kelantan yang mendapat sekurang-kurang satu prinsipal, dan yang paling penting mendapat tempat di universiti diberikan tajaan atau sponsorship RM500 untuk masuk universiti.

Zaman dulu nak masuk universiti mesti ada tajaan. Negeri lain berikan 10 tajaan, Datuk Asri berikan beribu tajaan setahun. Dengan pendekatan ini ramai anak Kelantan yang memegang jawatan-jawatan penting dalam pelbagai institusi kerajaan sekarang. Itu jasa besar Datuk Asri.

#### Berapa kerap Datuk balik ke Kelantan?

Keadaan keluarga menyebabkan kami jarang balik ke Kelantan. Emak saya sakit, dan pernah terlantar selama 18 tahun. Dia meninggal tiga tahun yang lalu. Jadi 20 tahun dia duduk dengan kami. Adik-beradik juga semua tinggal di sini. Jadi kami tak perlu balik. Kita hanya balik bila ada kenduri kahwin atau kematian. Sudah 20 tahun kami tak beraya di Kelantan. Cuma sekarang saya kerap balik bila tiga tahun setengah yang lepas saya buat keputusan nak men'zakat'kan sebuah suratkhabar bernama Sinar Harian. Saya balik Kelantan, saya beli tanah di Kelantan, saya mulakan Sinar Harian di Kelantan. Sekarang saya lebih kerap balik Ke Kelantan.

#### Kalau balik Kelantan, mana yang Datuk suka pergi?

Saya pergi tempat yang masa kecik-kecik dulu saya suka makan – nostalgia. Saya suka makan roti tempayan. Yang asal dulu dah tak ada. Dulu di sebelah panggung Rex, sekarang panggung itu pun dah tak ada. Saya pergi ke kedai di belakang hospital, belakang rumah mayat tu. Saya cari tempat nasi belauk yang *famous*. Kalau tengahari saya pergi makan di Hoover, atau kedai asal dia di Jalan Gajah Mati. Anak-anak saya pun semua suka makan-makan.

#### Kalau bercerita tentang Kelantan kepada orang KL, apa yang Datuk suka ceritakan?

Makan. Pasal makan. Makan memang sedap. Syurga makanan, dan juga shopping yang murah.

#### Datuk ada apa-apa hobi?

Membaca. Saya suka membaca. Saya tidak main golf. Pada asasnya saya seorang *family man*, dan lebih banyak masa bersama keluarga.

#### Bila orang kata Kelantan ketinggalan dalam pembangunan, apa respon Datuk?

Dari segi fizikalnya itu betul. Tapi orang Kelantan tak susah, kerana mereka mempunyai semangat jatidiri dan keusahawanan yang tinggi. Sebab itu kita tengok di mana sahaja di Kelantan ada orang menjual. Setiap 100 meter di Jalan Pengkalan Chepa misalnya, ada orang perempuan duduk di belakang periuk, menjual. Fenomena ini tak ada di tempat lain.

Dan kalau tengok rumah-rumah di Kelantan, saya kira di Kelantanlah paling banyak banglo yang sudah terbayar, bukan hutang bank, yang dimiliki oleh orang Melayu. Pasal apa? Tanah dia sendiri, dia beli barang sendiri, dia upah orang buat. Begitu juga kereta Mercedes dan sebagainya banyak di Kelantan. Ertinya dari segi ekonomi tempatan, saya salute mereka.

#### Apa yang telah, atau akan Datuk sumbangkan untuk Kelantan?

Saya bawa Sinar Harian ke Kelantan, dan saya telah wujudkan banyak peluang pekerjaan. Dan Sinar Harian itu sendiri menjana pemikiran orang Kelantan, dan menyebabkan wakil-wakil rakyat semua bekerja, kerana di setiap daerah saya letakkan wartawan. Kalau dia bekerja kita lapor, dia tak bekerja pun kita lapor.

Itu sumbangan kita untuk Kelantan. Sinar Harian itu kita lahirkan di Kelantan, kita cetak di Kelantan, dan kita perjuangkan masalah rakyat Kelantan. Memang selepas itu di negeri-negeri lain pun kita terbitkan Sinar Harian, tetapi kita bermula di Kelantan. Apabila berjaya di Kelantan barulah kita duplicate buat di negeri-negeri lain.



Memberi keterangan, Datuk Hj Hussamuddin sewaktu diwawancara oleh krew Qiadah



# Kelantan Encyclopedia

By Shariah Derahman & Nurul Dayanna Norji

**A** is for Atoh : Chaff



*Chaff is the inedible, dry, scaly protective casings of the seeds of rice. Whenever chaff is found, it shows that the rice is of low quality due to inappropriate separation.*

Atoh ialah kulit padi yang kering dan tidak dapat dimakan.

Atoh ialah sisa padi yang terdapat di dalam padi yang telah dibuang kulitnya. Kewujudan atoh, menunjukkan bahawa proses pengilangan padi tidak sempurna.



**B** is for Bok : Book

*Bok comes from the English word, book. The pronunciation according to Kelantanese dialect is 'boak'. A book is a set or collection of written, printed, illustrated, or blank sheets usually fastened together to hinge at one side. In library science, books are known as monograph to differentiate the materials apart from magazines and newspapers. Usually, books only refer to produced materials and not just simply 'bundled papers'.*

Bok ialah buku. Ia diambil dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu Book. Sebutannya mengikut dialek Kelantan ialah 'boak'. Buku merupakan kepingan helaihan kertas bertulis yang diikat menjadi satu unit. Dalam sains kepustakaan, buku dikenali sebagai monograf untuk membezakannya dengan terbitan bersiri yang lain seperti majalah dan akhbar. Pada lazimnya, buku hanya merujuk kepada buku yang diterbit dan bukan sebarang "kertas-kertas yang diikat".



**E** is for Enjok : Shift

*Enjok means move aside, budge or shift from a place to another. Pronounced 'end-jog'.*

Enjok bermaksud berganjak atau beralih sedikit dari sesuatu tempat ke tempat yang lain. Ia disebut 'end-jog'.



**F** is for Falahiah

*Falahiah refers to Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Falahiah (Falahiah Islamic Secondary School) situated at Pasir Pekan, Tumpat. This school was established in 1940 by Tuan Guru Hj Wan Adam Wan Abdullah. Previously it was named Al Madrasah Al Falahiah after Hj Wan Adam's school in Makkah. This school was under Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) until 1977 when it was taken to be part of Ministry of Education. Today, the leader is Hj Abdul Rahman Mahmood as the Principal. In Arabic, Falah means success or successful.*

Falahiah merujuk kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Falahiah yang terletak di Pasir Pekan, Tumpat. Sekolah ini diasaskan pada tahun 1940 oleh Tuan Guru Hj Wan Adam Wan Abdullah dengan nama asalnya Al-Madrasah Al-Falahiah mengambil sempena nama tempat beliau belajar semasa di Mekah. Sekolah ini dijadikan sebuah sekolah Majlis Agama Islam Kelantan sehingga pada tahun 1977 ia dijadikan salah sebuah sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. Sekarang, sekolah ini diketuai oleh Hj Abdul Rahman Mahmood selaku Pengetua. In Arabic, Falah means success or successful.

## G is for Gatih : Paddle

*Gatih means paddling usually refers to riding bicycle.*

Gatih bermaksud kayuh, selalunya ia merujuk kepada kayuh basikal.



## H is for Hambak : Chase

*Hambak means to chase. Pronounced 'harm-bark'.*

Hambak bermaksud kejar. Ia disebut 'harm-bark'

## I is for Ipong : Collect

*Ipong means to collect or collecting.*

Ipong bermaksud kumpul atau mengumpulkan.



## J is for Junga : Reach

*Junga means reaching for something far. Pronounced 'ju-nга'.*

Junga bermaksud capai, ia merujuk kepada mencapai benda yang jauh. Ia disebut 'ju-nга'.



## K is for Kek Kong : Piggyback

*Kek kong is the act of riding on someone's back.*

Kek Kong bermaksud dukung. Ia disebut 'cake-kong'

## L is for Lak Eh : Haggard

*Lak Eh means looking tired or haggard. Pronounced 'luck-eh'.*

Lak Eh bermaksud letih dan lesu, serta tidak bermaya. Ia disebut 'luck-eh'



## M is for Mepeh : Sluggish

*Mepeh means being so lethargic that a person is walking sluggishly. Pronounced 'may-peah'.*

Mepeh bermaksud senget atau kepenatan sehingga postur badan membengkok dan nampak terlalu letih untuk bekerja atau berjalan. Ia di sebut 'may-peah'.

## N is for Nusuk : Hide

*Nusuk means hiding. Pronounced 'noo-sook'. The game 'hide and seek' is known as Main Nusuk.*

Nusuk bermaksud sembunyi. Ia disebut 'Nu-Sook'.

## O is for Otok : Stress

*Otok means being stressed or in a stressful situation with incontrollable emotion. Pronounced 'or-talk'.*

Otok bermaksud tertekan atau dalam keadaan tegang di mana emosi tidak terkawal menyebabkan perasaan seseorang tidak menentu. Ia disebut 'Or-Talk'.



## P is for Poda : Powder/Chalk

*Poda refers to powder or chalk (on shoes), taken from the word 'powder' itself.*

Poda merujuk kepada bedak atau kapur kasut, ia diambil sempena nama 'powder'

## Q is for Qaryah Ramadhan

*Qaryah means the village. It refers to the programme organised during the month of Ramadhan when various spiritual activities are carried out to celebrate Ramadhan of the month.*

Qaryah bermaksud kampung. Ia merujuk kepada program yang dianjurkan sepanjang bulan Ramadhan di mana satu perkampungan Ramadhan diwujudkan di mana pelbagai aktiviti kerohanian dan ibadah dilaksanakan bagi mengimarahkan bulan Ramadhan.

## R is for Repih : Break

*Repih refers to the act of breaking something (usually into two pieces). Pronounced 'rur-payh'*

Repih merujuk kepada perbuatan mematahkan sesuatu.

## S is for Saksoba : Shock Absorber

*Translated from the word Shock Absorber, a component in car suspension. Pronounced 'suck-soar-bar'. The shock absorber's duty is to absorb or dissipate energy. In general terms, shock absorbers help cushion vehicles on uneven roads.*


Saksoba diambil dari perkataan Shock Absorber iaitu salah satu komponen suspensi kereta untuk menyerap hentakan. Ia disebut 'suck-soar-bar'.



## T is for Timung Cina : Watermelon

*Watermelon can be both the fruit and the plant of a vine-like (scrambler and trailer) herb originally from southern Africa and one of the most common types of melon. This flowering plant produces a special type of fruit known by botanists as a pepo, a berry, which has a thick rind (exocarp) and fleshy center (mesocarp and endocarp); pepos are derived from an inferior ovary and are characteristic of the Cucurbitaceae. The watermelon fruit, loosely considered a type of melon has a smooth exterior rind and a juicy, sweet interior flesh (usually red, yellow, and sometimes orange).*

Timung Cina adalah tembikai iaitu pokok menjalar (memanjang dan melata) yang berasal dari selatan Afrika dalam famili Cucurbitaceae. Terdapat pelbagai jenis timung cino, antara yang popular ialah warna merah dan kuning. Timung cino yang paling laris ialah timung cino yang tidak mempunyai biji atau tembikai madu. Terdapat pelbagai jenis tembikai, antaranya ialah tembikai merah, tembikai kuning, tembikai susu, tembikai madu, dan sebagainya.



## U is for Uting : Point


*It means pointing accurately and usually refers to shooters or archers who aim accurately at the target.*

Ia bermaksud mengacu dengan tepat, selalunya ia merujuk kepada penembak atau pemanah yang perlu mengacu dengan tepat untuk mencapai sasarnya.

## W is for Wakaf Che Yeh

*Wakaf Che Yeh is a town 7km from the centre of Kota Bharu, well-known for its business and trading with daily and weekend market. The markets have operated since 1998 and is known as Uptown. Open from early evening until 2am, the market sells various items from food to home appliances.*

Wakaf Che Yeh merupakan sebuah bandar yang terletak di 7 Km dari bandar Kota Bharu, ia terkenal sebagai salah satu pusat perniagaan kerana terdapat pasar harian dan pasar minggu. Pasar Borong Wakaf Che Yeh yang beroperasi sejak tahun 1998 lagi telah dikenali sebagai 'UpTown'. Ia beroperasi dari awal malam sehingga lewat 2 pagi. Terdapat pelbagai barang jualan termasuk makanan, pakaian, buah-buahan, perkakas rumah, dan sebagainya.



## X is for Xpdc

*XPDC is taken from the word expedition, a journey undertaken for a specific purpose, usually exploration and/or research.*

Ia merujuk kepada ekspedisi.

## Y is for Yoya

*Do not be mistaken with yoyo. Yoya refers to talking or noisy aimless discussions which we usually interjected with laughters.*

Ini bukan permainan tapi yoya merujuk kepada berbual lebih sesuatu yang tidak berfaedah, dan selalunya disusuli dengan gelak ketawa dan sedikit bising.

## Z is for Zak : Sustenance

*Zak refers to sustenance needed by human and plants. It is very important to a healthy development.*

Zak merujuk kepada zat iaitu sesuatu yang diperlukan oleh hidupan terutamanya manusia dan tumbuhan. Zat sangat penting untuk pertumbuhan dan perkembangan yang sihat.

# TOK AYAH

IDEA & ART DARUL DIGITAL




rempah ratus terpilih...  
...untuk citarasa terbaik

Nasi Air Special

Tomyam Seafood Special

Ikan Bakar




UNTUK MEMBUAT TEMPAHAN



KAIFI TOMYAM SEAFOODS (1)  
Lot 1930, Depan Taman Damai, 16250 Wakaf Bharu,  
Tumpat, Kelantan  
Tel: 013-959 8044



KAIFI TOMYAM SEAFOODS (2)  
Lot 206, Jalan Puteri Saadong, Wakaf Bharu,  
16250 Wakaf Bharu, Tumpat, Kelantan  
Tel: 019-927 8001



# BAZAR TOK GURU

TINGKAT 1 - RM 92,000.00

TINGKAT 2 - RM 84,000.00

UNIT TERHAD

BAZAR TOK GURU



Jangan lepaskan peluang memiliki premis perniagaan  
yang amat strategik dan berpotensi



PEJABAT URUSAN

Perbadanan Menteri Besar Kelantan  
Ting. 4, Bangunan PMBK,  
Jln Kuala Krai, 15050 Kota Bharu,  
Kelantan Darul Naim

Sebarang pertanyaan sila hubungi  
**HOTLINE: 09 - 747 4545**